# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 33 | RABU 19HB OGOS, 1981. | رابو 18 شوال 1401 | PERCHUMA


Pegawai2 dan k-tangan Kerajaan di-seru:

## UJUDKAN SISTEM PENTADBIRAN YG BERDISIPLIN LAGI AMANAH – Titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertitah bahawa, satu undang2 dan peratoran2 baru akan di-adakan untok mengujudkan satu sistem pentadbiran yang berdisiplin lagi amanah.

Baginda bertitah bahawa ada-lah menjadi hasrat Baginda untok mengetatkan peratoran2 dan undang2 yang mengawal tingkah-laku dan tata-tertib pegawai2 dan kakitangan2 kerajaan Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah demikian di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei sempena Hari Keputeraan Baginda kali yang ke-35 tahun yang telah di-adakan di-Lapau di-sini pada hari Sabtu lepas.

### MENGINGATKAN

Di-Istiadat tersebut, Baginda Yang Dipertuan sekali lagi mengingatkan kapada pegawai2 dan kakitangan Kerajaan Baginda, khusus-nya pegawai2 kanan termasok ketua pentadbiran dan ketua2 jabatan supaya akan menunjokkan chontoh tauladan serta pembawaan yang tertib lagi sempurna pada menunaikan tugas dan kewajipan mereka supaya dengan yang demikian mereka akan di-galati serta di-hormati oleh pegawai2 bawahan.

Lihat muka 20



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berangkat ka-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran pada hari Sabtu lalu.

## Hubongan luar negeri semakin berkembang

Oleh: Shadoon Lamzi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei Awang Arthur Watson mensifatkan tahun ini sa-bagai tahun di-mana Brunei telah menempoh peristewa2 bersejarah yang berterusan dalam perkembangan perhubongan-nya dengan negara2 di-rantau ini dan negara2 luar yang lain.

Tuan Yang Terutama juga menjelaskan yang persahabatan yang di-jalinkan di-antara Brunei dan United Kingdom serta kerjasama di-antara kedua2 negara terus dan telah dapat di-kukohkan.

### KANDONGAN

Ini ada-lah di-antara lain kandongan sembah uchap selamat sempena Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-35 tahun daripada TYT Awang Arthur Watson, selaku wakil kerajaan dan raayat British di-dalam Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei di-Lapau pada Sabtu lepas.

Tuan Yang Terutama itu yang telah juga menyembahkan perutusan uchap selamat daripada Baginda Queen seterusnya merujuk kembali berkenaan dengan keberangkatan Kebawah DYMM ka-London di-dalam bulan Mei dan Jun lepas di-mana Baginda telah berkenan untok santap dengan Baginda Queen, perjumpaan dengan Perdana Menteri, Puan Thatcher, perjumpaan dengan Setia Usaha Luar dan Komonwel, Lord Carrington serta ahli2 Kabinet British yang lain-nya.

### KEBERANGKATAN

"Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patek melawat Jakarta di-dalam bulan April lepas sangat-lah di-alu2kan dan rombongan Brunei buat pertama kali-nya di-ketuai oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah telah turut serta sa-bagai pemerhati dalam mashuarat ke-14 Menteri2 Luar ASEAN di-Manila.

Tuan Yang Terutama seterus-nya mengalu-alukan akan persiapan2 baru yang di-buat di-dalam perhubongan di-antara Brunei dan Kommonwel dibawah mana Brunei akan di-wakili di-dalam konferen Kommonwel berdasarkan keupayaan-nya sendiri, tidak lagi saperti sabelum-nya di-mana Brunei

Lihat muka 20

## RAAYAT MENGALU2KAN PENYERTAAN BRUNEI DI-SIDANG ASEAN

Oleh: Ak. Hidop HS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Raayat dan penduduk di-negeri ini merasa megah dan sunggoh mengalu2kan langkah Kebawah Duli Yang Maha Mulia memperkenankan negeri ini turut serta sa-laku pemerhati dalam persidangan Menteri2 Luar Negeri2 ASEAN di-Manila baru2 ini.

Demikian telah di-sembahkan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah ketika bersabda di-Majlis Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran di-Lapau di-sini Sabtu lalu.

Yang Teramat Mulia, selaku perwakilan di-persidangan tersebut sa-terus-nya menyembahkan rasa optimis-nya yang penduduk2 di-negara2 ASEAN seluroh-nya juga menyambut baik atas inisiatif Baginda itu.

### LAWATAN

Brunei akan menempoh kemerdekaan dan ini bererti yang ia-nya akan menempoh masharakat antarabangsa. Oleh itu sabda Yang Teramat Mulia, langkah Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengadakan lawatan ka-beberapa buah negara jiran serta menerima banyak perwakilan dari negeri2 jauh dan dekat ada-lah merupakan satu tindakan yang bijaksana demi untok menchapai keamanan dan persefahaman bersama.

Pada melengkapi kehendak2 kemerdekaan yang akan kita chapai itu, raayat juga menjunjong tinggi usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia menghantar beberapa orang pegawai untok mengikuti beberapa latehan di-bidang diplomatik di-negeri2 tertentu.

### MELATEH

Yang Teramat Mulia bersabda yang langkah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu ada-lah merupakan sa-baik2 jalan bagi melateh pegawai2 tempatan dalam bidang2 tertentu yang sa-terus-nya boleh memberikan gambaran bagaimana saingan2 mereka bertekun dan melaksanakan usaha2 pembangunan di-negara masing2.

Yang Teramat Mulia sa-terus-nya berharap agar pegawai2 yang berkenaan akan dapat menumpukan usaha yang tulus ikhlas untok negara demi untok menjunjong hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu.

## Mengukohkan bidang usaha-niaga bumiputera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Langkah2 yang bersesuaian telah di-laksanakan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam membantu kukohkan berbagai bidang usaha-niaga yang diselenggarakan oleh bumiputera.

Langkah itu termasoklah menaikkan skim pinjaman kewangan kapada peniaga2 bumiputera dari $250 ribu menjadi satengah juta ringgit.

Dalam menggalakkan penubohan peniaga2 kechil di-kawasan2 luar bandar, satu kelonggaran telah di-ator bagi penggunaan tanah2 persendirian bagi faedah mengadakan kedai2 runchit sama ada sachara persendirian mahu pun sa-chara bersharikat kerjasama.

Ini telah di-sabdakan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin ketika menyembahkan sabda di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 Kebesaran yang berlangsong di-Lapau, pada Sabtu lepas.

Dalam hasrat untok menggerakkan jentera pemerentahan agar benar2 'chekap dan berkesan', Yang Amat Berhormat itu menyembahkan bahawa latehan2 di-dalam dan luar negeri kapada pegawai2 dan kakitangan kerajaan dalam perkhidmatan sedang dan terus di-jalankan.

"Sa-tiap tahun Brunei melahirkan berpuloh-puloh pemuda-pemudi yang telah menchapai kelulusan yang tinggi. Mereka yang mendapat kelulusan tinggi itu, perlu di-asoh dan di-berikan pengalaman yang

Lihat muka 20

## Manis-nya Iman

"TIADA-LAH Allah mengutus sa-orang nabi dan begitu juga tiada-lah Allah memperkenankan sa-orang khalifah melainkan bagi nabi atau khalifah itu ada dua golongan pengikut. Satu golongan menyuroh-nya berbuat kebaikan dan sentiasa menganjorkan kebaikan itu kapada-nya. Satu golongan lagi menyuroh-nya berbuat kejahatan serta sentiasa menganjorkan kejahatan itu kapada-nya. Nabi atau khalifah yang akan terpelihara dari kejahatan ia-lah nabi atau khalifah yang di-pelihara Allah." — Hadith Nabi riwayat Bukhari daripada Abu Sa'id dan Abu Hurairah.

## Perbarisan di-Pekan Tutong

TUTONG. — Upachara Perbarisan menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-35 tahun, telah di-langsongkan di-sini semalam. Sementara Perbarisan bagi Temburong akan di-adakan pada Khamis 20hb Ogos ini dan bagi Belait ia-lah pada 23hb Ogos, 1981.

Sa-lepas Upachara Perbarisan saperti biasa akan di-ikuti dengan Istiadat Mengadap.

**Pelita Brunei**
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

19HB OGOS, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# DALAM KITA BERPERAYAAN

DI-SEPANJANG achara2 keramaian yang kita saksikan sejak 15hb Ogos lepas, di-samping kita sama2 merasakan kegembiraan kerana membesarkan hari Raja kita yang amat kita kasehi itu, maka kita maseh merasakan keperluan2 dan betapa besar erti-nya jika kita dapat melahirkan daya chipta yang sesuai dengan prestasi dan semangat negara dan unsor2 ketaatan terhadap-nya.

Di-sepanjang minggu ini sa-tidak2-nya kita mengikuti tiga perayaan yang besar dan sudah menjadi tradisi bagi sambutan2 itu ia-itu Perahu, Perarakan tanglong dan kereta serta basikal berhias, dan, persembahan2 hiboran di-Padang Besar di-Bandar Seri Begawan.

Lumba Perahu maseh tetap dengan keutohan-nya, malah makin mendapat sambutan dan amat di-gemari ramai dan ia-nya juga merupakan prestasi negara yang memberikan gambaran2 keharmonian dan kesentosaan negara dan bangsa kita. Lumba Perahu ada-lah juga merupakan satu bentok temasha negara yang paling tua dan maseh hidup segar dan sa-takat ini kita semua chukop bangga kerana-nya terutama-nya apabila ia dapat melibatkan semua perengkat dari orang2 ternama, ketua2 jabatan hingga kampong2 dan mukim2 serta para belia. Ia telah dapat menyatukan seluroh lapisan ka-dalam satu suasana yang harmoni itu. Maka wajar-lah ia-nya di-pelihara dengan sebaik2-nya.

Perarakan tanglong, kereta dan basikal berhias juga sudah menjadi tradisi perayaan. Ada-lah jelas bahawa ia-nya tidak semata2 untok hiboran bagi kegunaan berlibor2 sambil memeriahkan suasana perayaan, bahkan berperanan untok menyibar dan menanamkan semangat menghormati kebudayaan2 saperti unsor2 seni benaan dan rekaan. Di-dalam unsor2 ini terdapat usaha2 menimbulkan sa-suatu yang berkaitan dengan sejarah negara saperti kenaikan2 lama. Ini amat berguna untok anak2 muda hari ini bagi mengenali sejarah lama yang terdapat dalam negara mereka. Di-antara semua itu di-adakan juga kumpolan pakaian beragam yang keselurohan-nya di-anggotai oleh anak2 muda yang rasa-nya maseh perlu di-bimbing supaya memperlihatkan bentok-chara pakaian2 yang menjadi teras kebudayaan bangsa2 dengan tingkah2 laku yang sopan. Ini berfaedah untok pendidekan. Kita mendapat ma'alum bahawa pakaian beragam ini antara-nya ada-lah untok hiboran anak2 dan kerana itu ia di-selitkan dengan pakaian2 ala-katoon dan watak2 dari siri2 gambar TV yang di-gemari oleh anak2. Dalam pada itu, apa yang harus di-ingat ia-lah penunjolan watak2 yang tidak senunoh saperti menggambarkan watak2 ala-hippies dan terlompat2 saperti tidak sedarkan diri. Ini merupakan satu gejala yang kurang baik, apa lagi jika ia di-tujukan untok anak2.

Persembahan2 hiboran di-Padang Besar tidak mengalami perubahan2 melainkan nyanyian2 dan tarian2 dan tahun ini di-serikan sekali lagi oleh rombongan kebudayaan dari luar negeri dengan pentas istimewa dan lampu2 yang istimewa. Maka itu kita berpeluang melihat kebudayaan orang2 di-luar kita. Rasa-nya, kita juga mempunyai kebudayaan yang sudah wajar di-ketarakan dan kita juga rasa-nya berupaya untok mengumpulkan tenaga2 kebudayaan bagi satu pertunjokan yang besar dari atas pentas yang besar. Kalau kita pernah berupaya membawa rombongan2 kebudayaan kita keluar negeri, maka tidak sulit jika kita mengadakan satu pertunjokan kebudayaan sa-chara besar2an. Hal sa-umpama ini ada-lah berguna di-sediakan kerana kita akan terpaksa sedia mempunyai keupayaan2 ka-arah itu bilamana kita memasoki suasana kemerdekaan nanti.

# BERJEMAAH SA-BAHAGIAN DARIPADA CHARA HIDUP KITA YANG TERPENTING

UCHAPAN Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, dalam merasmikan Mashuarat Agong Pertama Badan Kebajikan dan Sokan Jabatan Ukor, Brunei pada hari Ahad 9hb Ogos, 1981.

Saya sukachita menguchapkan terima kaseh kapada saudara/saudari kerana sudi menjemput saya ka-majlis pagi ini dan memberi keperchayaan beruchap merasmikan mashuarat penubohan badan kebajikan dan sokan Jabatan saudara/saudari ini. Saya sukachita juga merakamkan penghargaan yang tinggi di-atas daya usaha saudara/saudari menubohkan badan yang saya perchaya akan di-gerakkan dengan aktif pada mengatorkan berbagai2 perkara yang berkebajikan untok faedah2 semua lapisan pegawai dan kakitangan Jabatan Ukor seluroh negeri.

Perkara menyatu padukan diri ka-dalam kegiatan yang berkebajikan ada-lah sangat di-titik beratkan dalam ajaran ugama kita. Setiap kumpolan orang Islam sekali pun dalam bilangan yang kechil dan walau pun dalam hitongan yang paling minima ia-itu berdua orang namun ada-lah di-kehendaki mempunyai "Al-imam". Erti kata Imam itu ia-lah Ketua yang berkeupayaan memimpin dan bukan sa-takat berkebolehan memimpin atau mengimamkan sembahyang.

## BERJEMAAH

Maka dengan itu sa-sunggoh-nya kita orang2 Islam ada-lah mempunyai sifat2 berkumpolan ia-itu berjema'ah. Dan berjema'ah itu menjadi sebahagian daripada chara hidup kita yang terpenting di-mana kepentingan itu kita sendiri merasakan-nya dan tahu akan harga serta nilai-nya dalam waktu2 suka duka.

Berjema'ah atau berkumpolan itu ada dengan matalamat dan tujuan-nya. Dan bagi kita orang2 Islam maka matalamat yang kita tuju sa-bagai suatu kumpolan atau jema'ah ada-lah di-lakukan dengan saling berkerjasama dan bantu membantu pada berbuat perkara2 yang berkebajikan dan mematohi hukum, bukan berkerjasama dan bantu membantu berbuat perkara2 yang membawa dosa dan pelanggaran hukum.

Erti-nya: Chara kita berjema'ah dengan semangat berkerjasama itu mungkin sama dan selaras dengan chara orang lain yang bukan Islam dalam menchapai matalamat dan tujuan berjema'ah atau berkumpolan, yang belum tentu sama ia-lah matalamat dan tujuan-nya. Atau pun kata-lah matalamat dan tujuan itu mungkin sama dengan mereka ia-itu masing2 kita dan mereka mematalamatkan kegiatan bagi faedah2 yang berkebajikan namun motif atau dorongan penchapaian-nya pasti tidak sama. Yakni kita menggerakkan kegiatan menchapai perkara2 berkebajikan dan mematohi hukum itu di-dorong oleh kesedaran mematohi ajaran Allah sementara mereka pula di-dorong oleh sesuatu kepentingan yang semata2 di-tentukan oleh keadaan dan keperluan2 yang berbangkit.

Apa yang saudara/saudari matalamatkan melalui badan kebajikan yang di-tubohkan di-perengkat melalui Jabatan ini tidak akan sama dengan apa yang di-matalamatkan oleh orang2 lain yang bukan Islam sekali pun mereka itu dalam kumpolan Jabatan2 kerajaan saperti saudara/saudari. Hal ini dapat di-lihat apabila badan atau persatuan orang2 Islam kita sangat ketara chorak dan pembawaan-nya berbedza daripada badan2 atau pertubohan2 dan kelab2 yang mendokong konsep berbilang bangsa dan berbilang ugama sekali pun ada di-antara-nya yang juga di-anggotai dan malah di-pimpin oleh orang2 Islam.

Ada yang menyebut perbedzaan chorak kegiatan, sebab dalam banyak2 persatuan atau badan2 kepunyaan orang2 Islam sendiri terdapat perbedzaan chorak itu. Mithal-nya ada yang berchorak sokan, hiboran atau ria (recreation), ada yang berchorak iktisad dan sharikat kerjasama, atau pun champoran berbagai chorak2 itu keugamaan dan kebudayaan lalu di-sebut-lah sa-bagai badan atau persatuan kebajikan.

## BERANEKA CHORAK

Mungkin dari satu segi yang umum hal itu benar sa-bagai sa-kadar perbedzaan chorak sedangkan matalamat-nya mungkin sama ia-itu untok maksud2 yang baik. Chuma masaalah-nya hendak-lah di-fahamkan tidak sa-kadar berupa masaalah bagus matalamat atau baik tujuan yang hendak di-chapai menerusi kegiatan2 yang beraneka chorak itu, tetapi lebeh dari itu ia-lah masaalah "Commitment" badan2 atau persatuan itu. Tegas-nya: Ada badan atau persatuan yang "Committed" chuma kapada ke-elokan tujuan-nya lalu mengatorkan kegiatan-nya tanpa mengira sa-barang hal lain asal sahaja maksud-nya baik dan sah di-sisi undang2 negeri. Sementara ada pula badan atau persatuan juga "Committed" kapada ke-elokkan matalamat-nya dan mengatorkan kegiatan-nya dengan mengambil kira bukan sahaja kebaikan maksud dan halal tidak-nya di-sisi undang2 bahkan juga chiri2 lain yang menjadi chorak dan norma masharakat terbanyak, kerajaan dan negeri ini. Chiri2 tersebut termasok-lah yang terpenting-nya ia-lah ugama dan adat istiadat. Lalu hal2 ini di-ambil kira dan di-terima sa-bagai suatu "Commitment" yang wajar.

## "COMMITMENT"

Jadi, perbedzaan itu bukan sa-kadar perbedzaan chorak yang boleh di-kompronikan dan maseh dapat di-adun yang akhir di-sebatikan. Ia suatu perbedzaan dalam chorak "Commitment" sama ada di-sedari atau tidak di-sedari. Hal ini dapat lagi di-jelaskan begini: Kalau badan yang saudara/saudari tubohkan ini telah pun di-tubohkan di-Jabatan ini sa-lepas perang dunia kedua atau dalam tahun2 50an pasti di-dapati dalam rekod atau fail2-nya (jika maseh ada) kegiatan2 ahli-nya mithal-nya dalam mengadakan majlis tari menari sempena Hari Raya Krismas dan awal tahun Masehi, mungkin akan di-dapati chatetan lain berkenaan dengan ahli-nya waktu itu dalam bidang sokan. Chatetan itu akan lebeh segar di-lihat kalau mithal-nya ada orang yang maseh menyimpan gambar2 sa-tengah2 kegiatan badan ini kira2 30-40 tahun itu di-mana antara-nya akan ada gambar2 yang memperlihatkan botol2 minuman keras di-meja2 jamuan yang di-adakan-nya dengan gelas di-tangan maseh berbueh ayer-nya!

Begitu-lah yang di-bayangkan kegiatan ini kalau-lah ia di-tubohkan waktu itu. Yang jelas-nya mungkin dalam fail2 yang menyimpan rekod-nya itu badan ini tidak di-sebut "badan" tetapi di-sebut "club", perkataan "kebajikan" mungkin tidak ada terchatet tetapi yang ada mungkin ada perkataan2 lain yang menjelaskan chorak kegiatan-nya.

Kegiatan mengadakan majlis tari menari pada manasabah2 di-sebutkan atau kegiatan di-bidang sokan itu memperlihatkan chorak "Commitment" ahli2 dan pemimpin waktu itu (kalau-lah badan ini sudah ujud 30-40 tahun dulu!) mereka "Committed" kapada nilai2 waktu itu, ia-itu Jabatan Kerajaan di-ketuai dan di-kuasai oleh orang asing dengan nilai-nya yang asing dari semua segi sekali pun le[...] nya maseh di-negeri ini.

Benar, kata-lah berse[...] itu sekarang ini maseh [...] tetapi perchaya-lah bah[...] kalau maseh ada rekod y[...] menchatetkan kegiatan so[...] jabatan2 kerajaan 30-40 ta[...] dahulu neschaya akan di-[...] pati betapa sokan itu di-ger[...] kan dengan jaya-nya, ker[...] orang asing yang menge[...] jabatan itu mempunyai m[...] yang sengaja di-tonjolkan [...] gi maksud kelancharan p[...] pemerentahan waktu itu [...] hadap anak negeri di-m[...] melalui kegiatan sa-demi[...] itu orang asing yang me[...] tuai jabatan2 akan keliha[...] mesra dengan kakitang[...] tempatan dan konon-nya [...] terima baik oleh raayat ne[...] ini.

Pada asas-nya semua [...] bertujuan baik. Majlis [...] menari sekali pun dengan [...] dangan minuman2 keras [...] seh boleh di-katakan men[...] kong tujuan2 yang baik [...] itu kata-lah bagi menjalin [...] mesraan antara semua pere[...] kat di-dalam jabatan. B[...] sokan pun sedemikian ju[...]

Tetapi penchapaian-nya [...] dorong oleh apa?.

Sa-lain "Commitment" [...] tok menjayakan dasar peng[...] saan asing ka-atas negeri [...] anak negeri ia pasti-lah j[...] di-dorong oleh chorak "Co[...] mitment" yang tidak mem[...] hitongkan norma2 kemasha[...] katan, negeri dan Keraj[...] Melayu beraja waktu itu b[...] kan ia sa-bahagian dari p[...] mengasoh anak negeri sup[...] berkelakuan tidak kena de[...] an ugama dan adat resam [...] geri ini.

Jadi, tujuan yang baik [...] belum bererti baik untok [...] mua keadaan dan masa b[...] kita. Bagi kita sukat2-[...] yang tepat sudah ada ia-[...] baik ia-lah baik dalam ma[...] di-redhai Allah. Lalu keg[...] an2 dalam kita berjema[...] berpersatuan dan apa [...] kerjasama ia-lah bagi m[...] chapai perkara2 berkebaji[...] dan mematohi hukum, bu[...] yang membawa dosa dan [...] langgaran hukum, itu-[...] "Commitment" kita ora[...] Islam lalu dengan "Comm[...] ment" ini-lah kita menen[...] kan chorak kegiatan kita, b[...] kan sembarangan!

## PENTADBIRAN

Pada 30-40 tahun dah[...] itu ketua2 jabatan dan pe[...] wai serta kakitangan keraj[...] terikat oleh "Commitme[...] kapada dasar pentadbi[...] yang lebeh memelihara [...] pentingan asing. Hal itu su[...] barang tentu jauh berbe[...] sekarang ini. Pentadbiran [...] karang mendorong polisi [...] rajaan yang 'chandek' d[...] 'kuku-nya' terdiri daripa[...] orang2 kita maka barang [...] tu kepentingan yang mahu [...] pelihara oleh polisi pentadb[...] an sekarang ia-lah kepenti[...] an2 kita dan keturunan ki[...] Maka sa-bagai pegawai d[...] kakitangan kerajaan di-zam[...] memelihara dan mengukoh[...] kepentingan2 kita te[...] "Commitment" kita ia-lah k[...] pada polisi pemeliharaan te[...] sebut. Kita patut bangga d[...] ngan "Commitment" terseb[...] dan patut sentiasa menjay[...] kan-nya melalui berbaga[...] saloran yang sah di-sisi u[...] dang2 negeri dan betul la[...] di-redhai Allah.

Saya perchaya saudara/sa[...] dari semua akan menyeda[...] bahawa badan kebajikan d[...] sokan yang saudara/saud[...] tubohkan ini ia-lah sa-baha[...] an daripada saloran2 itu. T[...] ruskan-lah kesedaran itu [...] bagai pendorong bagi me[...] chapai tujuan2 berkebaik[...] dan mematohi hukum d[...] yang membawa dosa pel[...] garan hukum.






YANG Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin dengan di-iringi oleh Ketua Pos Agong, Pengiran Jeluddin ketika melakukan pra-tonton pameran POSPA (atas) dan kanan pula kelihatan Yang Amat Mulia menyampaikan oskar kapada Dayang Srihanarahyu bte Mohd Yusof.

# Banchi Pendudok bermula 26hb. Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN. — Banchi Pendudok Negeri Brunei 1981 akan bermula pada 26hb. Ogos hingga 2hb. September depan. Sa-ramai 93 orang penyelia banchi dan lebeh 500 orang penemuduga2 banchi telah di-lantek untok menjalankan tugas tersebut di-seluroh negeri.

Untok menjayakan dan melichinkan lagi gerakan banchi itu, Penguasa Banchi, Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie meminta semua raayat dan pendudok negeri ini supaya memberikan kerjasama dengan memberikan keterangan2 yang di-kehendaki oleh penemuduga2 yang telah di-lantek oleh kerajaan.

Sa-tiap orang yang bermalam di-rumah awda pada malam 25hb. Ogos ini hendak-lah di-chatetkan keterangan2 yang berhubong dengan orang itu sabagaimana yang di-kehendaki dalam chontoh borang di-bawah ini.

Di-bawah ini ia-lah chontoh borang yang akan di-isi semasa banchi pendudok itu. Segala keterangan yang diberikan akan di-rahsiakan.


BANCHI PENDUDOK DAN PERUMAHAN BRUNEI, 1981 SULIT
JADUAL PENDUDOK

# JABATAN PERKHIDMATAN POS AKAN DI-PERBESARKAN

**Oleh: Jaafar Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abd. Momin bin Pengiran Haji Ismail pada hari Selasa 11hb. Ogos lepas telah merasmikan serta memulakan pra-tonton Pameran Pos dan Setem2 yang di-adakan di-Muzium, Jalan Kota Batu di-sini.

## PAMERAN KETIGA

Pameran yang di-anjorkan oleh Jabatan Perkhidmatan2 Pos buat kali yang ketiga itu ada-lah merupakan salah satu achara bagi memeriahkan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-35 tahun.

Dalam sabda alu2annya di-buku pameran tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran itu menjelaskan bahawa setem ada-lah chara yang berkesan dalam menyampaikan dan menggambarkan imej sasuatu idea atau menonjolkan imej kebangsaan sasebuah negeri itu.

Dalam sa-sebuah negara di-dunia ini di-mana perhubongan memainkan peranan yang amat penting dalam mengeratkan ikatan di-antara isi pendudok yang di-dalam-nya berlainan bangsa, ugama, budaya dan fikiran, penggumpolan setem ia-lah satu alat perhubongan yang lebeh berkesan lagi.

Sa-lain daripada tanggongjawab mengeluarkan setem untok kegunaan pos dan dalam mengenalkan Brunei ka-seluroh pelusok dunia dan pada menggalakkan hobi mengumpol setem, selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah DYMM, Jabatan Perkhidmatan2 Pos, sabda Yang Amat Mulia kini sedang melalui proses kemajuan yang pesat.

## PEMBESARAN

Di-antara proses2 tersebut, sabda Yang Amat Mulia itu lagi, ia-lah persediaan asasi saperti pembesaran dan pembisaian Pejabat Besar Pos di-ibu negeri yang baharu sahaja selesai.

"Dengan pembisaian ini pekerja2 pos telah dapat menjalankan tugas2 mereka dengan baik dalam suasana yang lebeh selesa dan sempurna. Orang ramai juga telah mendapat munafaat daripadanya saperti keadaan yang lebeh selesa bila berada di-pejabat2 pos dan juga permohonan2 peti2 surat persendirian telah dapat di-selesaikan," sabda-nya.

Bagi kemudahan orang ramai, tambah Yang Amat Mulia, Jabatan Pos juga telah mengadakan wakil2 pos dan wakil2 penjual setem di-seluroh pelusok negeri ini.

Lihat muka 12

# *Seluroh raayat merasa gembira*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berkata bahawa kejayaan2 yang telah di-sandang oleh qari2 dan qariah2 negeri ini dalam musabaqah tilawatil Kor'an perengkat antarabangsa sedikit sabanyak telah melambangkan ka-mata dunia Negeri Brunei Darussalam ini ada-lah sa-buah negeri Islam yang sentiasa berusaha untok berpegang tegoh kapada ajaran2 yang terkandong dalam kitab suchi Al-Kor'an.

"Hendak-nya-lah di-sedari oleh seluroh masharakat Islam di-negeri ini khusus-nya dan masharakat Islam umom-nya bahawa sa-buah negeri yang 'damit' dengan pendudok yang 'sa-jamput' ini, alhamdulillah, sanggup berdiri di-atas kaki sendiri dalam konsep membangun dunia moden tetapi berasaskan Islam sa-bagai satu ideoloji negara yang tunggal," tegas Yang Berhormat.

Atas kejayaan ini, Yang Berhormat perchaya, seluroh umat Islam di-negeri ini melahirkan rasa yang gembira dan shukor kahadrat Allah, tambahan pula ia-nya ekoran dari kejayaan2 yang telah di-chapai oleh negeri ini sa-belum-nya.

"Ini ada-lah suatu bokti bahawa rajin dan usaha itu ada-lah sa-benar2-nya tangga kejayaan," demikian kata Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan samasa beruchap di-majlis meraikan Awang Haji Mohd. Yusof bin Abu Bakar, yang telah menyandang tempat ketiga dalam musabaqah tilawatil Kor'an antarabangsa tahun ini, bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada malam Khamis lepas.

Sa-belum itu, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain dalam uchapan-nya dimajlis itu berkata, jabatan-nya akan terus memainkan peranan dalam memperkembangkan Ugama Islam termasok-lah pengajaran bachaan Al-Kor'an kapada seluroh raayat dan pendudok negeri ini.

Lihat muka 12



SETIA Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz kelihatan sedang beruchap di-majlis keshukoran pada malam Selasa lepas di-Dewan MPUSB.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei melafadzkan titah di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran. Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga turut berangkat di-Istiadat tersebut.

## Satu sistem pentadbiran yg berdisiplin lagi amanah:

# PERATORAN DAN UNDANG2 MENGAWAL TINGKAH-LAKU PEGAWAI2 DAN KAKITANGAN KERAJAAN DI-KETATKAN

**— TITAH**

ASSALAMU alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah shukor ka-hadhrat Allah s.w.t. di-atas segala limpah rahmat-nya yang mana dengan izin-Nya jua membolehkan kita beramai-ramai hadhir di-istiadat ini dan selawat serta salam bagi Nabi besar kita Muhammad s.a.w. kerabat dan sahabat2 serta pengikut2 Baginda yang taat lagi setia hingga ka-akhir zaman.

### TERIMA KASEH

Beta dengan tulus ikhlas menguchapkan sa-tinggi2 terima kaseh kapada TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei yang telah melafadzkan uchap selamat bagi pehak Paduka Seri Baginda Queen dan raayat British di-negeri ini sempena hari Ulang Tahun Keputeraan Beta yang ke-35. Uchapan sa-tinggi2 terima kaseh juga Beta tujukan kapada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah yang telah menyampaikan uchap selamat sa-bagai mewakili Wazir2, Cheteria2 dan Pehin2 Menteri serta Menteri2 Pendalaman begitu juga uchapan berbanyak2 terima kaseh Beta kapada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas uchap selamat bagi pehak seluroh raayat dan pendudok Negeri Brunei termasok pegawai2 dan kakitangan kerajaan Beta. Beta juga menguchapkan penghargaan kapada wakil2 kaum dan badan2 kebajikan di-atas isi kandongan uchap selamat dari mereka dan mudah2an Allah s.w.t. akan mengorniakan balasan yang sa-imbang di-atas ingatan baik semua pehak yang berkenaan itu.

### KETENTERAMAN

Beta sa-sunggoh-nya bershukor ka-hadhrat Allah s.w.t. di-atas limpah kornia-nya yang mengizinkan kita sekalian di-Negeri Brunei ini menekmati ketenteraman yang membolehkan Negeri Brunei terus berkembang maju dalam berjenis2 bidang yang berkebajikan.

Ada-lah hasrat Beta supaya segala usaha dalam bidang kemajuan yang di-ranchang serta di-laksanakan oleh Kerajaan Beta itu akan di-rasai nekmat-nya oleh sa-genap lapisan raayat dan pendudok Negeri Brunei.

Beta ingin mengingatkan bahawa dalam apa jua bidang perkembangan, Kerajaan Beta hanya-lah dapat menyediakan kemudahan2 yang bersesuaian serta dorongan dan galakan yang di-fikirkan berpatutan. Akan tetapi bagi sa-suatu ranchangan kemajuan itu untok menchapai kejayaan yang sepenoh-nya ada-lah amat perlu bagi raayat dan pendudok negeri ini bersunggoh2 menyumbangkan usaha serta tenaga mereka untok sama2 menchapai matalamat yang di-hajati yakni untok meningkatkan lagi taraf serta mutu kehidupan seluroh raayat dan pendudok di-negeri ini, Insha Allah.

Kapada semua pegawai2 serta kakitangan kerajaan Beta khusus-nya pegawai2 kanan, termasok ketua pentadbiran dan ketua2 jabatan Beta dengan berterus terang mengingatkan lagi bahawa apa yang Beta kehendaki ia-lah supaya mereka yang di-amanahkan dengan tugas2 serta kuasa2 yang tertentu hendak-nya-lah menunjokkan chontoh tauladan serta pembawaan yang tertib lagi sempurna pada menunaikan tugas dan kewajipan mereka supaya dengan demikian mereka akan di-galati serta di-hormati oleh pegawai2 bawahan.

### JUJOR DAN AMANAH

Apa yang Beta juga benar2 hajati ia-lah jentera pentadbiran yang effisen lagi chergas serta pegawai2 yang jujor dan amanah yang sentiasa mengambil berat di-atas tugas dan kewajipan mereka semata-mata menumpukan usaha untok kebajikan negara serta segala isi di-dalam-nya.

Dalam lawatan Beta ka-beberapa buah jabatan2 kerajaan Beta dalam tahun ini, Beta telah dapat sedikit sa-banyak memerhatikan perjalanan jabatan2 kerajaan yang berkenaan itu dan juga telah mendengar dari ketua2 jabatan mengenai dengan masaalah2 yang di-hadapi oleh mereka dalam menjalankan tugas2 kewajipan mereka masing2.

Taklimat2 yang di-berikan oleh ketua2 jabatan yang Beta telah lawati itu telah juga di-dengar oleh Menteri Besar selaku Ketua Pentadbir dan berharap tindakan yang bersesuaian telah sedang dan akan di-laksanakan oleh pehak yang berkenaan untok membantu ketua2 jabatan dengan sa-berapa

> **" Beta dengan berterus-terang mengingatkan lagi bahawa apa yang beta kehendaki ia-lah supaya mereka yg di-amanahkan dengan tugas serta kuasa2 yang tertentu hendak-lah menunjokkan chontoh tauladan serta pembawaan yang tertib lagi sempurna "**

boleh pada mengatasi masaalah2 yang mereka hadapi itu demi untok kebajikan pentadbir negeri. Insha Allah Beta akan terus melawat beberapa banyak lagi jabatan2 kerajaan Beta di-masa2 yang akan datang.

Di-samping itu ada-lah hasrat Beta untok mengetatkan peratoran dan undang2 yang mengawal tingkah-laku dan tata-tertib pegawai2 dan kakitangan Kerajaan Beta demi untok mengujudkan satu sistem pentadbiran yang berdisiplin lagi amanah Insha Allah undang2 dan peratoran2 baru yang akan di-adakan untok mensesuaikan dengan maksud yang Beta hasratkan itu.

Beta gembira mengetahui bahawa bilangan pegawai2 dalam kerajaan Beta yang berlateh di-seberang laut ada-lah semakin bertambah dan begitu juga bilangan penuntut2 pergi keluar negeri untok melanjutkan pelajaran serta mendapatkan kelulusan tertinggi ada-lah semakin banyak. Kapada mereka semua itu Beta ingin mengingatkan supaya pengetahuan serta kechekapan yang mereka perolehi di-luar negeri itu hendak-lah di-gunakan dengan sa-baik2-nya untok melichinkan lagi jentera pentadbiran dengan erti-kata yang lain Negeri Brunei berkehendakkan pegawai2 dan kakitangan yang benar2 berdedikasi terhadap melichinkan jentera pentadbiran untok menchapai matalamat2 kerajaan yang di-redhai Allah.

Dalam bidang perhubongan di-antara Negeri Brunei dengan negara2 jiran tetangga Alhamdulliah Kerajaan Beta dapat mempereratkan silatulrahim yang mesra dengan negara2 jiran dan negara2 lain yang ingin untok berbaik mesra dengan Negeri Brunei.

### PENGHARGAAN

Beta ingin mengambil kesempatan ini untok menyatakan penghargaan serta terima kaseh Beta kapada Kerajaan Singapura dan Kerajaan Malaysia yang telah dan sedang memberikan banyak bantuan pada melateh pegawai2 Brunei dalam berjenis2 bidang termasok bidang hal ehwal luar negeri. Insha Allah Kerajaan Beta akan terus memupok perhubongan berbaik-baik itu supaya akan berkekalan berasaskan prinsip2 hormat menghormati di-antara satu dengan lain dan untok kebajikan bersama di-rantau ini.

Pada mengakhiri uchapan Beta ini, Beta sukachita menchatetkan penghargaan serta terima kaseh Beta kapada semua pegawai dan kakitangan dalam kerajaan Beta, pada anggota2 pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasokan Pulis Diraja Brunei dan Pasokan Tentera Paduka Seri Baginda Queen yang berada di-Brunei di-atas segala sumbangan masing2 terhadap keamanan dan kesejahteraan Negeri Brunei Darussalam.

Sekian Wabillahi taufik Walhidayah Wassalamu alikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

> **" Di-samping itu ada-lah hasrat Beta untok mengetatkan peratoran dan undang2 yang mengawal tingkah-laku dan tata-tertib pegawai2 dan kakitangan Kerajaan beta demi untok mengujudkan satu sistem pentadbiran yang berdisiplin lagi amanah. "**

# MENGINGATI MATI UTK KE-BAHAGIAAN DI-ALAM ABADI

ALHAMDULILLAH segala puji bagi Allah yang telah menjadikan dunia ini sa-bagai medan tempat beramal dan berusaha, dan menjadikan akhirat sa-bagai tempat menerima pahala dan azab.

Sa-sunggoh-nya Allah menguji manusia ini melalui dua kejadian yang berlawan, ia-itu mati dan hidup. Firman-Nya dalam Surah Al-Mulk ayat 2 yang bermaksud:

*"Allah menjadikan mati dan hidup untok menguji kamu, siapa-kah di-antara kamu yang baik amalan-nya. Dan Allah itu maha perkasa lagi maha pengampun."*

Ada pun sa-tiap detik dan masa di-dunia ini akan berakhir dan demikian juga sa-tiap yang ada dan hidup akan binasa dan mati melainkan Allah jua yang kekal baqa' tidak berkesudahan.

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Ar-Rahman yang bermaksud:

*"Dan tetap kekal zat Tuhan engkau yang mempunyan kebesaran dan kemuliaan."*

Kehidupan ada-lah nekmat bagi makhlok. Manusia pada umom-nya ada-lah amat sayang kapada hidup. Tidak kira ia kanak2 atau orang dewasa, hatta jika ia orang tua sekali pun yang sudah berusia 100 tahun maka hidup dan terus hidup itu ada-lah merupakan bintang chita2-nya yang tertinggi sekali. Kerana apa? Kerana pada pendapat-nya, hidup itu ada-lah kebahagiaan, nekmat dan lazat. Sementara mati pula suatu kegerunan, gelap dan azab.

Suatu sifat kekurangan yang ada pada manusia, ia-lah mudah leka dan lalai, atau dengan kata lain lupa daratan. Sa-masa muda ia lupakan hari tua-nya, sa-masa sehat ia bersedap2 dengan kesehatan-nya sa-hingga lupa ia hari sakit-nya. Sa-masa kuat ia bermegah-megah dengan kekuatan-nya sa-hingga lupa ia hari lemah-nya. Sa-masa kaya ia bernekmat-nekmat dengan kekayaan-nya sa-hingga lupa ia hari miskin-nya. Sa-masa berkuasa ia sombong dengan kekuasaan-nya sa-hingga ia lupa masa jatoh-nya.

## MENGINGATI MATI

Pendek-nya ini-lah dia manusia, makhlok yang terlampau banyak lupa. Ya, orang hidup ada-lah menjadi kelaziman-nya demikian, tetapi kerana itu pula kita di-suroh supaya banyak2 mengingati mati, ada guna dan faedah-nya yang besar kapada kita. Orang yang melupakan perkara yang akan datang di-hadapan-nya ada-lah orang rugi. Orang2 begini tidak terbayang kapada-nya kesakitan sa-lepas sehat, kelemahan sa-lepas kuat, hanya sa-sudah benar2 terjadi dan datang sakit itu kapada-nya, maka baharu-lah fikiran dan hati-nya mulai hidup, mula dapat memikirkan tentang diri-nya, tentang siapa-kah ia yang sa-benar-nya, ia-itu sa-sudah keadaan sa-makin merosot, badan yang kuat sa-makin lemah, berkawan rapat dengan ubat dan bermusoh dengan makanan yang dahulu-nya sangat2 di-gemari-nya.

## BAYANG2 MAUT

Kemudian hari demi hari keadaan itu bertambah-tambah genting lagi, yang menambahkan sekarang kesedaran-nya sa-makin besar, terasa kapada-nya harapan telah tipis dan bayang2 maut kian hampir bermain di-mata kepala-nya. Mula-lah kewarasan menguasai diri-nya. Ia ingatkan anak2, ingatkan ahli-nya, harta-nya dan lain2. Meleleh-lah ayer mata, bahawa saat perpisahan dengan mereka itu sa-makin hampir. Benar2 hampir. Firman Allah Taala dalam Surah Kaf ayat 19 yang bererti:

*"Dan datang-lah sakaratul-maut itu dengan sa-benar-benar-nya. Itu-lah yang kamu selalu lari daripada-nya."*

Maka datang-lah penyesalan bagi sa-siapa yang terlampau banyak lupa dan lalai. Menyesali perbuatan2-nya yang telah lalu. Apa yang dapat di-buat, tidak ada. Melainkan sa-mata-mata penyesalan. Kalau ada pun, hanya-lah peranan mata memandang ka-wajah-wajah yang ada di-sekeliling-nya, mendengar perkataan2 mereka itu, tetapi tidak dapat berkata apa2. Sementara para kekaseh yang mengasehi-nya: anak2 dan ahli-nya, saudara mara yang dekat mahu pun jauh, kawan2 dan handai taulan, semua mereka itu tidak berupaya berbuat apa2, melainkan hanya memerhatikan sahaja dengan chemas dan ayer mata. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Waki'ah ayat 83 hingga 85 yang bermaksud kira2:

## MENYEMPURNAKAN

*"Maka tidak-kah ketika nyawa telah sampai di-halkom, kamu pada ketika itu memerhatikan sahaja, dan ada-lah Kami (Allah) lebeh dekat kapada-nya daripada kamu, tetapi kamu tidak melihat."*

Maka berlepas-lah sudah sa-orang hamba Allah dari alam dunia ini menghadapi ka-hadhirat Tuhan-nya. Dan sekarang, tugas orang hidup, ia-lah menyempurnakan-nya: memandi, mengkapan dan menyembahyangkan-nya. Dan selesai sembahyang maka mereka menghantar-nya pula ka-rumah baharu-nya, ia-itu sa-buah lobang yang dalam lagi sempit, gelap dan mengerikan, ia-itu-lah kubor. Mereka tinggalkan ia di-sana sa-orang diri, tanpa kawan dan teman. Dan kemudian tidak berapa lama, datang pula malaikat Munkar dan Nakir bertanyakan tentang akidah-nya, jika ia sa-orang mukmin yang taat, maka dapat-lah ia berhadapan dengan tenang, ibarat sa-orang murid yang pandai apabila di-tanya oleh guru-nya, ia menjawab dengan chepat, mudah dan lanchar. Tetapi jika ia sa-orang yang derhaka, maka jadi-lah ia ibarat murid yang tongong, belum di-tanya pun sudah kechut, puchat dan takut, kerana memang ia jahil dan tidak tahu apa2.



Kemudian dari itu, terjadi-lah apa yang mesti terjadi, rumah baharu yang bernama kubor tadi, imma ia akan menjadi sa-buah taman atau raudhah di-shorga bagi sa-orang mukmin yang taat, atau pun sa-makin sempit menjadi lobang dari lobang2 neraka bagi hamba2 yang derhaka. Wallah hu a'lam.

## MENGASOH JIWA

Tujuan peringatan ini ia-lah untok mengasoh jiwa kita supaya sentiasa bersikap adil: di-samping ia terlampau chinta dan rakus serta tamak kapada kehidupan ini, ada elok dan mustahak pula ia selalu di-asoh mengingati mati. Biar kita hidup bersulohkan keinsafan dan kesedaran, bukan untok menyuroh mati, tetapi mengingati mati, demi untok menuju kehidupan bahagia yang kekal abadi. Dunia dan hidup ini sementara, sebab itu-lah dalam sa-buah hadith Nabi s.a.w., kita di-ingatkan yang kira2 maksud-nya:

*"Jadi-lah kamu dalam dunia ini sa-olah2 pengembara atau pun sa-orang yang sedang menyirangi jalan."*

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 19hb Ogos, 1981 hingga ka-hari Selasa 25hb Ogos, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19hb Ogos | 12.29 | 3.47 | 6.37 | 7.48 | 4.43 | 4.57 | 6.15 |
| 20hb Ogos | 12.29 | 3.47 | 6.37 | 7.48 | 4.43 | 4.57 | 6.15 |
| 21hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 22hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 23hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 24hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 25hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Pengaroh sembahyang kpd manusia

**o Bingkisan minggu ini**

IBADAH sembahyang dalam Islam ada-lah yang paling tinggi martabat-nya tidak dapat di-tandingi kedudokan-nya oleh ibadah2 yang lain. Kerana itu hanya manusia yang mengerjakan ibadah sembahyang sahaja-lah yang di-jamin oleh Allah menjadi manusia berbahagia, manusia yang akan mewarithi shorga firdaus di-hari kandila nanti.

## WAJIB

Sembahyang wajib di-laksanakan oleh sa-seorang yang mengaku diri-nya Islam sa-lagi roh maseh di-kandong badan. Sa-seorang muslim itu tidak boleh lalai dan malas dalam mengerjakan-nya meski pun dalam keadaan mana ia berada, tetapi terdapat keringanan kapada orang2 yang sakit atau uzor saperti bertayamum kalau tidak dapat berudhu, sembahyang dudok atau berbaring bagi yang tidak berdaya untok berdiri atau bergerak dalam melakukan perbuatan2 sembahyang itu.

Orang yang bertempor di-medan perang pun tidak boleh meninggalkan sembahyang, sembahyang mereka di-ator begitu rupa sa-hingga di-yakini keselamatan mereka akan terjamin dari serangan2 musoh ketika mengerjakan ibadah sembahyang. Begitu-lah betapa besar darjat-nya ibadah sembahyang itu, sa-hinggakan Allah membuat beberapa ketetapan supaya ibadah sembahyang itu di-laksanakan dengan tidak mengira tempat dan waktu.

Allah sangat murka terhadap orang yang melalaikan ibadah sembahyang atau mengerjakan-nya dengan sambarana, sebab itu Ugama Islam mengambil perhatian yang chukop tegas terhadap ibadah sembahyang. Kerana ibadah sembahyang itu ada-lah satu2-nya chara manusia berhubong langsong dengan penchipta-nya ia-itu Allah s.w.t., sa-bagaimana sabda Nabi s.a.w., yang bermaksud: *"Bila sa-seorang berdiri mengerjakan sembahyang, maka ia berhadapan langsong dengan Tuhan-nya."*

Bagi manusia yang telah yakin sa-penoh-nya terhadap ke-Esaan Allah, bahawa Allah mendengar dan mengetahui serta melihat perbuatan-nya, akan terasa kapada-nya sa-akan2 ia melihat atau paling kurang ia di-lihat oleh Allah.

## MENGABADIKAN DIRI

Begitu-lah keadaan-nya orang yang mengerjakan kewajipan ibadah sembahyang, lima kali sa-hari paling kurang ia mengabdikan diri di-hadapan Tuhan yang maha berkuasa dan maha pengaseh penyayang. Jiwa sa-seorang itu akan kuat dan tabah serta tenang menghadapi apa jua dugaan dan rintangan.

Manusia dalam hidup-nya sering bersalah, khilap dan berdosa dengan senghaja atau tidak. Dengan mengerjakan sembahyang, manusia mengakui akan kesalahan dan dosa-nya, lalu ia meminta ampun kapada Allah dengan sa-chara khusus ia-itu dengan mengerjakan sembahyang. Sa-telah ia melakukan ibadah tersebut, maka ia akan merasa terampun dosa-nya. Ini-lah perasaan yang paling indah dalam kehidupan manusia.

Sa-balek-nya manusia yang berulang kali melakukan kesalahan atau dosa, tetapi tidak pernah mengerjakan sembahyang, ini akan terasa kapada diri-nya yang kesalahan dan dosa2-nya bertimbun-timbun, ini-lah akhir-nya menjadikan manusia itu gelisah, bingong.

Sebab sa-bagai sa-orang manusia ia tahu dan sedar akan kesalahan yang di-perbuat-nya. Perasaan sa-demikian-lah yang menyebabkan hidup-nya tidak tenteram, makan minum-nya hanya di-rasa sa-bagai keperluan hidup sahaja, sa-lepas itu ia akan kembali merasa resah gelisah.

Apa-tah lagi di-kala malam sa-waktu hendak tidor. Orang yang berseh dari kesalahan dan dosa akan dapat tidor dengan nyenyak, bangun menjadi segar bugar. Tetapi manusia2 yang berdosa tak pernah dapat tidor nyenyak dan tak pernah merasa segar. Ini-lah yang menyebabkan berbagai gejala penyakit akan timbol, kadang2 menjadi penyebab penyakit darah tinggi dan lain2 penyakit.

Perkara sa-umpama ini dapat di-fahamkan melalui firman Allah s.w.t., dalam surah Al-A'laa ayat 14 dan 15, yang bermaksud kira2. *"Sa-sunggoh-nya beruntong-lah orang2 yang membersehkan diri (dengan beriman) dan dia ingat nama Tuhan-nya, lalu ia sembahyang."*

Demikian-lah berapa besar dan tinggi darjat-nya ibadah sembahyang, yang mana dengan-nya kalau di-amalkan dengan sa-benar2-nya, sa-seorang itu tidak akan merasa apa2 kesulitan dalam menghadapi chiri2 kehidupan-nya, kerana sembahyang ada-lah satu2-nya jalan yang menjamin sa-seorang itu berjaya di-dunia dan di-akhirat.

# intisari RTB minggu ini



THIS weekend's discussions in the programme 'We Are For You' broadcast on the English Service is on 'Worms and other parasites'. The panel seen above are sister Sharifah Normah, Dr Shanti Zinna and Sister Tang Oi Ching. The programme will take the air on Sunday 23rd August at 11.00 a.m.

## Kampong terpuji

### meninjau kegiatan2 Kg. Sukang

**RANCHANGAN Kampong Terpuji keluaran minggu ini akan di-isikan dengan Kampong Sukang yang mana pendengar akan dapat mengikuti rakaman2 kami saperti permainan alat muzik juga temuramah dengan beberapa orang pendudok kampong berhubong dengan kegiatan dan juga cherita2 yang menarek.**

**Sa-panjang siri ini ka-udara pendengar telah berpeluang mengikuti berbagai2 kegiatan yang telah di-lakukan oleh pendudok kampong dengan chara dan kegiatan mereka sendiri. Jangan lupa untok mengikuti ranchangan ini di-mana akan di-muatkan dengan Kampong Sukang pada 23hb Ogos, 1981 jam 2.00 petang.**





**Kelihatan pendudok kampong Sukang sedang di-temuramah mengenai dengan kegiatan2 kampong dan juga perkembangan yang terdapat di-kampong tersebut.**

## RANCHANGAN RADIO SALAH TEKNIK

KAMI perlu rasa-nya mengambil kesempatan ini menuntut maaf sekali lagi sa-lepas beberapa hari sahaja berlalu aidilfitri. Ini ada-lah berhubong dengan tidak 'keruan-nya' siaran beberapa buah ranchangan khas Hari Raya yang baru lalu. 'Kritik-krituk' yang kedengaran dari para pendengar ia-lah ada yang menduga radio transistor mereka 'meragam sendiri' atau kurang beteri atau udara di-Hari Raya itu kurang nomal. Tetapi yang pelik-nya bila mendongak ka-langit kelihatan awan biru dan chahaya matahari terang memanchar. Kerana itu ramai-lah para pendengar yang 'bingung' kenapa radio maseh hilang-hilang timbul terchungap-chungap bagaikan tenggelam.

Sa-benar-nya ada beberapa buah ranchangan Hari Raya yang terlibat dalam 'penyakit' salah teknik itu yang merupakan peristewa pertama kali berlaku sa-umpama-nya dalam usia radio hampir sa-suku abad ini. Dan yang menambahkan bingung lagi ia-lah perkara ini berlaku ketika studio2 di-lengkapi dengan alat2 serba mutaakhir.

Tetapi demikian-lah yang telah berlaku, di-sebabkan alat-alat termoden ini belum begitu lama terpasang dan di-kendalikan dan belum begitu faham sangat dengan rahsia2 teknik-nya, maka berlaku-lah apa yang di-istiharkan silap teknik. Biasa-nya istilah ini merupakan mainan mulut saja sa-lama ini tetapi benar-benar berlaku pada Hari Raya yang lalu ka-atas beberapa buah ranchangan radio teruta-ma ranchangan2 berchorak musical programme.

Kesalahan2 ini telah dapat di-ketahui kemudian-nya ia-itu berpuncha dari kerja-kerja rakaman dan salinan antara teknik berchorak mono dan stereo. Atas peristewa ini, sungguh2 kami amat menyesal kerana para pendengar tidak dapat menekmati ranchangan2 kesukaan awda. Namun demikian segala pembetulan ka-atas ranchangan2 yang terlibat sudah di-bereskan dan siaran2 ulangan-nya sudah di-atorkan kembali.

Sekian harap maklum dan harap ma'af.

## RESEPI2 MASAKAN MINGGU INI

### KEK SIPHON ORANGE

**Bahan2-nya : —**

- 9 biji puteh telor
- 4 ozs gula halus
- ½ sudu teh kerim tartar
- 7 biji kuning telor
- 7 ozs tepong 'SOFTASILK'
- 5 ozs Orange Squash
- 3 sudu teh esen orange (jika suka)
- 3 ozs minyak jagong
- ½ sudu teh serbok penili/vanila
- ½ sudu teh baking powder
- ¼ sudu teh garam halus.

**Chara2 membuat-nya : —**

1. Asingkan kuning dan puteh telor dan puan2 mesti-lah berhati2 ketika mengasingkan-nya. Gunakan satu mangkok kechil untok mengasingkan kuning telor dari puteh telor tadi. Puteh telor tidak boleh terchampor dengan kuning telor walau pun sa-titek.
2. **Chara memukol puteh telor : —**
   i) Puan boleh menggunakan pemukol letrik kerana ia-nya lebeh baik dan chepat.
   ii) Jika puan2 memukol telor tersebut chara biasa, puan2 mesti-lah memukol-nya dengan menggunakan alat2 pemukol dan pukol-lah terus2-an dan jangan berhenti sa-hingga betul2 kembang.
3. Bahan2 saperti kuning telor di-gaulkan dengan gula, tepong dan lain2 bahan dan masokkan puteh telor tadi perlahan2. Banchohan kuning telor dapat di-sediakan lebeh awal kerana banchohan ini boleh di-simpan sementara menunggu banchohan puteh telor tadi kembang.
4. Puan2 bakar-lah ka-dalam oven dan waktu membakar-nya puan2 jangan-lah chuba2 mengeluarkan-nya sa-hingga ia betul2 masak kerana jika puan2 chuba mengeluarkan banchohan kek tadi, ia-nya akan mendak/terturun semula; akibat-nya kek menjadi bentat/berkaki. Jangka masa kek tersebut masak 45-60 minit.

### SEMOR AYAM

**Bahan2-nya : —**

- 2¼ kati ayam
- 2 sudu teh serbok kunyit
- 2 sudu teh garam
- Minyak makan sa-chukop-nya untok menggoreng dan menumis
- ½ biji kelapa — ambil pati santan sahaja
- 1 sudu makan kichap
- 1 sudu makan chuka
- gula sa-chukop-nya
- sedikit serbok perasa (jika suka)
- 2 helai daun limau purut
- ½ biji buah pala — di-tumbok sa-hingga halus
- 2 biji lada hijau di-belah 4 jangan putus
- 2 biji lada merah di-belah 4 jangan putus

**Rempah2 untok di-giling :**

- 1 sudu teh lada hitam
- 1 inch halia
- 6 ulas bawang puteh
- 12 ulas bawang merah.

**Chara2 membuat-nya:—**

1. Ayam di-potong mengikut suka hati dan chuchi berseh2 dan di-toskan. Sa-telah di-toskan ayer-nya, gaulkan dengan garam dan kunyit. Peramkan sa-kejap dan goreng sa-hingga masak.
2. Kurangkan minyak dalam kuali (tempat menggoreng ayam tadi) dan tinggalkan kira2 chukop untok menumis, lalu tumis rempah yang telah di-gilling tadi dan masokkan daun limau purut hingga wangi bau-nya.
3. Kemudian masokkan santan pekat, kichap, chuka, garam, gula dan serbok perasa.
4. Sa-telah mendideh masokkan ayam goreng tadi, kachau rata2 dan masokkan lada belah dan taborkan serbok buah pala.
5. Sa-telah masak puan2 angkat dan taroh dalam pinggan hidangan.

## SI-BANDOT TUA

SHAHRIN sa-bagai orang tua dan suami kapada Zanah dalam sandiwara ini, chuba2 memainkan peranan sandiwara-nya di-belakang pengetahuan isteri-nya sendiri. Di-mana satu hari Shahrin bertindak untok melahirkan perasaan hati-nya yang terpendam sekian lama terhadap sa-orang anak dara, Inah yang juga tinggal bersama keluarga Shahrin, sa-laku orang yang menyewa di-rumah tersebut.

Perasaan keghairahan Shahrin ini timbul apabila ketipisan belaian kaseh sa-orang isteri terhadap suami-nya. Di-mana isteri-nya Zanah selalu sebok dengan aneka urusan bisnes-nya sa-hinggakan tanggong-jawab sa-bagai sa-orang isteri di-abaikan.

Satu hari Shahrin telah membawa Inah ka-kebun bunga, meski pun pemergian mereka berdua itu tidak di-restui oleh Inah, sebab Inah tahu bahawa ada-lah kurang elok pergi berdua2an dengan suami orang. Lebeh2 lagi Inah menjaga hati kakak-nya Zanah, dan Shahrin yang di-akui-nya sa-bagai saudara dalam hidup-nya. Tetapi Shahrin lain pula tujuan-nya.

Berjaya-kah Shahrin untok memperkosa kesuchian Inah di-kebun bunga itu? Apa-kah yang harus di-katakan Shahrin kapada isteri-nya Zanah? Siapa-kah pula yang bersalah antara Shahrin, Zanah dan Inah?

Untok mengetahui cherita ini, awda peminat ranchangan sandiwara radio jangan lupa untok mengikuti siaran-nya yang akan ka-udara pada 23hb Ogos, 1981, hari Ahad, jam 12.00 tengahari.

Sandiwara ini akan di-terbitkan oleh Mohd Ali Majid.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 19HB. OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GODZILLA : "The Subzero Terror" Sa-kumpolan ahli2 sains di-selamatkan oleh Godzilla dari malapetaka keruntohan ayer salji.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY : "Mindy, Mindy, Mindy"
6.30 SAPPHIRE AND STEEL
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 SAPPHIRE AND STEEL — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 B J AND THE BEAR : "A Bear In The Hand"
7.48 AZAN ISHA
7.52 B J AND THE BEAR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 IRAMA DAKWAH PULIS (Ulangan)
10.00 KNOTS LANDING : Landing of The Free
10.50 TAYANGAN GAMBAR : "Streets of LA" Kesah sa-orang wanita yang telah bercherai dari suami-nya mengadu nasib di-Bandaraya Los Angeles.
12.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 20HB. OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 RAMPAI SARI KANAK2 (Ulangan)
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FABULOUS FUNNIES
6.30 SPECTRUM
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 SPECTRUM — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY : "Plot to Kill A City" Bhg. 2
7.48 AZAN ISHA
7.52 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 MAJALLAH BRUNEI
9.30 DUNIA MINGGU INI
10.00 THREE'S COMPANY : "The Rivals"
10.30 PROFESSIONAL : "The Ojuka Situation"
11.15 TRAPPER JOHN : "Call Me Irresponsible" Dalam episod ini Dr Stanley Riverside nyaris kehilangan kareer-nya.
12.00 SIARAN TAMAT

## JUMAAT — 21HB. OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL : Project Z : Espionage
5.30 SPORT'S BILLY
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO : "The Armageddon Factor" Bahagian empat
6.30 THE MAGIC PALACE
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 THE MAGIC PALACE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VARIETY SHOW
7.46 AZAN ISHA
7.50 VARIETY SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 DOKUMENTARI : Pergigian AMDB
9.00 JUST FRIENDS
9.25 PERLAWANAN GUSTI
10.15 THE SWEENEY : "Lady Luck"
11.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 22HB. OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BENGKEL KANAK2 SPECIAL (Ulangan)
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.30 BEWITCHED : The Eight Year Itch Witch
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAGNUM PI — Episod terakhir
7.46 AZAN ISHA
7.50 MAGNUM PI — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.55 MARI MEMASAK
9.25 TAYANGAN FILEM INDONESIA
11.15 WIMBLEDON MIXED DOUBLES
12.20 SIARAN TAMAT

## AHAD — 23HB. OGOS

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.15 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 SHANE
4.00 SUNSHINE : "Intensive Care"
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NEW ADVENTURE OF SUPERMAN
5.30 VISION ON : "Engines"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 RICHIE RICH
6.30 CHILDREN'S SHORT STORIES : "Mrs. Amworth"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 CHILDREN'S SHORT STORIES — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ENOS — "Pilot" episod satu Lagi siri baru mempaparkan sarbaneka tugas2 pulis.
7.46 AZAN ISHA
7.50 ENOS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
9.00 BUTTERFLIES
9.30 POTRET PENYANYI — No. 5
10.00 THE SANDBAGGERS : My Name is Ann Wiseman
10.50 THE BIG VALLEY
11.40 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 24HB. OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 SEALAB 2020 : "Collision of the Aquarius"
5.35 ANIMAL WORLD : "Feather Farmer"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TARZAN : "The Pearls of Tanga"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SHOESTRING : Higher Ground
7.46 AZAN ISHA
7.50 SHOESTRING — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 DRAMA : Banchi Pendudok Brunei Tahun 1981
9.20 GOLDEN SOAK
10.10 A SPECIAL CHILD
10.40 CLIFFHANGERS : "The Girl With Nine Lives" Bhg 2
11.50 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 25HB. OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH
5.15 LITTLE BLUE
5.30 AQUAMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE ON EARTH : Invasion of the Land (Ulangan)
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 LIFE ON EARTH — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 NERO WOLFE : "Might As Well Be Dead" Sa-orang yang di-beritahu hilang menimbulkan diri-nya di-hari perbicharaan pembunohan.
7.46 AZAN ISHA
7.50 NERO WOLFE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.00 SALAM MESRA (Ulangan)
10.00 TAYANGAN GAMBAR : "A War of Children"
11.30 BOGNOR
12.00 SIARAN TAMAT.

# RANCHANGAN TVP 24HB. HINGGA 30HB. OGOS 1981

## ISNIN — 24HB OGOS

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 418
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERMAIN MUSIK, AMIN, TUNJOK BENDA, MAIN KERUSI, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 418.

## SELASA — 25HB OGOS

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 419
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, HALAMAN MENGAJAR, PA' LONG, GAMBAR DARI RUMAH, GAMBAR TERSEMBUNYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 419.

## RABU — 26HB OGOS

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 420
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, PETI SURAT, MAIN KUDA, AMINAH, HALAMAN JIG-SAW dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 420.

## KHAMIS — 27HB OGOS

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 421.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, MAIN KIM, SI-MANIS, HALAMAN BELAJAR, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 421.

## JUMAAT — 28HB OGOS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, YANG MANA GANJIL, BOLA TUMBOK, LUKISAN DARI RUMAH, MARI MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

## SABTU — 29HB OGOS

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 422.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti RUANGAN BERLAKUN, AMIN, KERJA TANGAN, MAIN BAKUL, LUKISAN DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.
Kerja tangan Che'gu Rokiah hari ini ia-lah membuat rama2 dari kertas.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 422.

## AHAD — 30HB OGOS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, MAIN KIM, HALAMAN MENGAJAR, PETI SURAT, BANG dan CHERMIN SAKTI.

# S.U.K. AKAN MENUTOP RASMI KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN

**Oleh: Jahri Latif**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-jangka hadhir menutop rasmi kursus pengurusan kewangan untok peniaga2 Melayu esok bertempat di-Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill.

Kursus anjoran Malayan Banking itu telah di-buka rasmi oleh Pemangku Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Kassim bin Haji Mohd. Daud. pada hari Selasa minggu lalu.

Lima orang pencheramah termasok sa-orang pegawai ekonomi, di-Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Metassan bin Momin telah menyampaikan cheramah-nya yang bertajok 'Pengalaman Sa-orang Peniaga.'

Ketua Yunit Khidmat Nasehat, Malayan Banking, Awang Ghadzalli bin Ahmad telah menyampaikan dua cheramah ia-itu 'Bagaimana Memulakan Perniagaan' dan 'Pengurusan/ Teknik Menjual'. Sementara Dayang Faridah binte Abang Zain, sa-orang peguam telah menyampaikan cheramah-nya bertajok 'Implakasi Undang2 Mengenai Perbadanan Perniagaan'.

Cheramah mengenai 'Menyimpan Rekod dan Memahami Kira2 Perniagaan' telah di-sampaikan oleh Pegawai Pinjaman, Jabatan Pinjaman dan Penyeliaan MBB, Awang Shuib bin Ismail. Sementara Awang Othman bin Haji Tahir, Ketua Yunit Khas Bumiputera, Malayan Bank telah menyampaikan dua tajok cheramah yang bertajok 'Menyediakan Kertas Kerja' dan 'Kemudahan2 Bank'.

Menurut Pengurus Chawangan Malayan Banking Berhad di-sini, Awang Hj. Zainal bin Laindin, walau pun kursus ini julong2 kali di-adakan di-negeri ini tetapi sambutan dari peniaga2 bumiputera sunggoh2 menggalakkan. Beliau menerangkan sa-ramai 150 orang, kebanyakan-nya peniaga2 yang menjalankan usaha-niaga sa-chara kechil2an telah mengikuti-nya.

Awang Haji Zainal berkata kursus ini bertujuan untok memberi tunjok ajar dan nasehat kapada peniaga2 bumiputera tentang pengurusan kewangan dengan chara mengenalkan kaedah2 baru.



PEMANGKU Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Kassim ketika beruchap merasmikan Kursus Pengurusan Kewangan untok peniaga2 bumiputera yang telah di-adakan di-Dewan Kuliah Peringatan Churchill, pada hari Selasa, minggu lalu.

# Penggunaan tulisan jawi semakin meluas

**Oleh: Aisah Piee**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Usaha Dewan Bahasa dan Pustaka dalam meluaskan penggunaan tulisan jawi di-Brunei telah mendapat sambutan yang menggalakkan terutama dari Jabatan2 kerajaan serta pehak2 swasta.

Di-mana pada masa ini pemakaian dan penggunaan tulisan jawi telah di-praktikkan terutama di-kepala2 surat, nama pada kenderaan dan papan2 nama kedai2 dan sharikat2.

Demikian telah di-tegaskan oleh Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awg. Hj. Ahmad bin Kadi ketika beruchap merasmikan Peraduan Membacha Tulisan Jawi perengkat sa-negeri yang telah di-adakan di-Dewan Raya Radio Talivishen di-sini pada hari Ahad, 9hb. Ogos yang lalu.

Langkah sa-umpama ini di-jalankan, tambah-nya, ada-lah bertujuan untok menitek-beratkan sa-tiap anggota masharakat di-negeri ini akan dapat menguasai tulisan jawi dengan baik dan faseh.

Menyentoh mengenai tulisan jawi, Awg. Hj. Ahmad menjelaskan bahawa minat dan pengetahuan orang2 Melayu terhadap tulisan jawi, yang pada satu perengkat waktu dulu di-sifatkan sa-bagai melambangkan identiti orang2 Melayu dan mempunyai hubongan yang rapat dan peranan yang penting dengan Ugama Islam, sekarang ini ada-lah agak merosot.

"Kemorosotan ini tentu-nya menyayat perasaan kita sa-bagai bangsa Melayu yang menchintai peradaban bangsa-nya, kerana kita sa-olah2 kehilangan sa-suatu — kehilangan identiti," tegas-nya.

Akibat kurang-nya semangat kebangsaan itu, kata-nya, kita telah di-eksploitasikan oleh suatu bentok pendidekan yang sa-chara tidak di-sedari ingin menenggelam dan menghapuskan pelajaran tulisan jawi, dan pengabaian itu juga mengujudkan suatu jenerasi yang tidak dapat membacha dan menulis jawi.

Antara achara2 yang di-adakan dalam majlis itu ia-lah persembahan tarian dan nyanyian dan mendeklamasikan sajak oleh ahli2 Perpustakaan Kanak-kanak, persembahan Johan Bijak Bercherita dan penyampaian hadiah kapada pemenang2 Peraduan Tulisan Jawi perengkat daerah.

Penyampaian hadiah kapada pemenang2 telah di-lakukan oleh Isteri Pemangku Pengarah Perjawatan, Dayang Rosnah bte Haji Hasbollah.

Sa-ramai 20 orang peserta telah menyertai peraduan tersebut di-perengkat negeri. Tempat pertama Bahagian 'A' di-sandang oleh Dayang Azlina bte Dato Haji Ya'akub yang mewakili Daerah Belait, sementara tempat kedua dan ketiga di-menangi oleh wakil dari Daerah Brunei-Muara, Dyg. Noorhayati bte Awg. Mohd. Yussof dan Dyg. Rahimah bte Brahim.

Dalam bahagian 'B' ia-nya di-menangi oleh Awg. Adi Samsul bin Sabli dari Daerah Belait, naib johan ia-lah Dayang Hjh. Azimah bte Dato Hj. Ya'akub juga dari Daerah Belait, sementara tempat ketiga jatoh kapada Dyg. Roainah bte Abd. Rahman yang mewakili Daerah Brunei-Muara.

# Pertunjokan Bunga2 Hidup di-K.B.

Oleh : AISAH PIEE

KUALA BELAIT. — Persatuan Bunga2 Anggerek Negeri Brunei, akan mengadakan Pertunjokan Bunga2 Hidup dan Anggerek sa-bagai salah satu achara Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun bagi Daerah Belait.

Pertunjokan tersebut akan di-buka untok kunjongan orang ramai salama tujoh hari bermula pada hari Ahad, 23hb. Ogos, 1981 dari jam 6.00 petang hingga 10.00 malam, dan dengan tambahan sa-lama sa-tengah jam lagi pada malam perarakan kereta dan basikal berhias serta tanglong berjalan kaki.

Orang ramai yang ingin menyertai pertunjokan tersebut boleh-lah mendapatkan borang2 penyertaan dari Awang Joseph Lee di-Jabatan Kenderaan Darat, Kuala Belait, Awang Francis Chong Vui kok (ACO/51), Awg. Chung Shen Lam dan Awang Andrew Loh Chee Onn di-Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. Borang2 penyertaan boleh juga di-dapati di-tempat pameran pada hari Sabtu, 22hb. Ogos dari jam 8.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari.

Borang penyertaan bagi kedua-dua bahagian bunga-bunga hidup dan anggerek hendak-lah di-serahkan kapada pegawai penerima di-kawasan pameran Padang Kechil, Kuala Belait, pada 22hb. Ogos dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang.

Kenderaan bagi pengangkutan hanya akan di-sediakan bagi mereka yang telah memohon kenderaan tidak lewat pada 21hb. Ogos, 1981 melalui Awg. Chung Shem Lam (FAC/21) dan Awang Andrew Loh Chee Onn (FAU/3) Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Hadiah2 yang menarek akan di-berikan kapada pemenang pertama, kedua, ketiga dan ke-empat terbaik dalam salah satu achara dari 41 achara yang di-pertandingkan. Piala kapada pemenang pertama dan naib-johan juga akan di-hadiahkan kapada pemenang terbaik dalam dua bahagian yang di-pertandingkan.

Hadiah2 akan di-sampaikan dalam satu majlis yang akan di-adakan pada hari Sabtu, 29hb. Ogos, 1981 jam 5.00 petang, bertempat di-kawasan pameran.

# Pegawai AMDB berkursus di-U.K.

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan menghantar sa-orang lagi pegawai-nya ka-United Kingdom pada 31hb. Ogos ini bagi mengikuti dua kursus berasingan di-sana.

Mejar Othman bin Haji Hasbollah dari Battalion Pertama pasokan tersebut, akan berada di-sana salama tujoh bulan untok menjalani kursus RAC Troop Leaders bermula pada 7hb. September di-Tactical School, Royal Armoured Corps. Centre, Dorset.

Manakala kursus kedua yang akan di-hadhiri-nya ia-lah Kursus No 207/14 D & M Instructors' (Scorpion), di-The Armour, Driving and Maintenance School, juga di-pusat yang sama. Kursus tersebut akan bermula pada 26hb. Januari dan akan berakhir pada 2hb. April, 1982.

Sementara itu, pasokan tersebut juga akan menghantar tiga orang lagi Pegawai Kadet Wanita-nya ka-United Kingdom untok mengikuti Kursus No.87, WRAC Long Commissioning sa-lama kira2 enam bulan di-Maktab Tentera Wanita Diraja 11, Camberley.

Tiga orang wanita yang telah terpileh bagi mengikuti kursus tersebut ia-lah 20003 Pegawai Kadet Wanita Dk. Norishan bte PHM Puteh, 20004 Pegawai Kadet Wanita Dk. Masnah bte Pengiran Hj. Bahar dan 20005 Pegawai Kadet Wanita Artini bte POKLW Haji Mohd. Salleh.

Mereka akan berlepas ka-United Kingdom pada 4hb. September, 1981 dan akan memulakan kursus pada 7hb. September. Mereka ada-lah di-antara enam orang pegawai2 wanita yang terpileh sa-bagai Pegawai Wanita Bertauliah. Tiga dari mereka telah pun menjalani kursus yang serupa dan di-jangka akan kembali ka-tanah ayer bulan September ini.

## Pepereksaan City and Guilds

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persiapan2 kini sedang di-buat oleh Lembaga Pepereksaan untok mengadakan Pepereksaan City and Guilds dalam berapa mata-pelajaran bulan Disember ini.

Borang2 untok memasoki pepereksaan tersebut telah pun di-keluarkan. Chalon2 sekolah boleh-lah mendapatkan borang2 tersebut daripada Pengetua2 Sekolah Pertukangan Sultan Saiful Rizal di-Jalan Muara, Pusat Latehan Teknikal Jalan Muara, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah di-Kuala Belait dan daripada Ketua Jabatan Latehan, Sekolah Pertukangan Vokeshenel, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Seria.

Chalon2 persendirian pula boleh mendapatkan borang2 ini daripada Pejabat Lembaga Pepereksaan di-sini.

Semua borang2 yang telah di-isi lengkap berserta dengan sijil kebenaran mengikuti, (approval to enter certificates) yang di-keluarkan oleh Institiut City and Guilds of London, kalau ada, mesti-lah sampai ka-Pejabat Lembaga Pepereksaan tidak lewat dari 7hb September, 1981.

## Majlis Keshukoran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei — PGGMB — akan menyambahkan Majlis Keshukoran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei pada 22hb Ogos, 1981 di-Dewan Persantapan Lapau mulai jam 7.15 malam.

Setia Usaha PGGMB telah mempersilakan semua ahli PGGMB supaya hadhir kamajlis tersebut.

# BRUNEI MENGHADAPI ZAMAN BARU DALAM MASHARAKAT ANTARABANGSA

SEMBAH keshukoran oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, selaku wakil Wazir2, Cheteria2, Pehin2 Menteri termasok Menteri2 Pendalaman di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran di-Lapau pada 15hb Ogos yang lalu.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika melafadzkan sembah keshukoran di-Istiadat Mengadap.

SEGALA puji2an bagi Allah s.w.t., selawat serta salam kapada junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w., kapada sekalian pengikut2 dan sahabat2 Baginda yang jujor lagi setia hingga ka-akhir zaman.

Ampun beribu ampun.

Di-saat yang bahagia dan gemilang ini patek selaku wakil Wazir2, Cheteria2, kerabat2 Diraja dan Menteri2 sekalian dengan perasaan tulus ikhlas menyembahkan sembah keshukoran dan tahniah sa-tinggi-nya di-hari Ulang Tahun Keputeraan kali ke-35 Kebawah Duli Paduka Kakanda Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Darussalam.

Ampun beribu ampun.

Dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Paduka Kakanda dan dengan titah perkenan Kebawah Duli Paduka Kakanda jua di-sepanjang tahun 1981 ini banyak kegiatan2 yang telah berlaku yang mana dengan tepat-nya dapat melambangkan semangat negeri ini dalam tempoh pembangunan-nya sa-belum kembali memainkan peranan sa-bagai negeri yang penoh berdaulat dan merdeka.

Rayaat dan pendudok2 Negeri Brunei yang telah salama ini dapat menikmati taraf hidup yang sangat tinggi telah mula mengikuti pergolakan perkembangan dunia luar dan sedikit sa-banyak sachara beransor2 mula memainkan peranan masing2 dalam menghadapi zaman baru zaman Negeri Brunei memasoki masharakat antarabangsa.

Kebawah Duli Paduka Kakanda sendiri dengan tegas-nya mengambil langkah2 yang sangat bijaksana dengan berangkat berchemar duli ka-beberapa buah negeri jiran termasok-lah negeri jiran tetangga yang paling besar dan juga beberapa buah negeri sahabat yang jauh dari Negeri Brunei yang mana langkah2 Kebawah Duli Paduka Kakanda ini telah dapat memupok hubongan2 muhibbah dan telah dapat menjalin persefahaman serta tali persahabatan erat di-antara Negeri Brunei dengan negeri2 yang berkenaan dan begitu juga Kebawah Duli Paduka Kakanda telah memperkenankan beberapa orang pembesar2 dan orang2 kenamaan daripada beberapa negeri di-rantau ini datang ka-Brunei untok melihat sendiri akan keadaan negeri ini dan juga kemajuan2 yang telah di-chapai.

Dengan ada-nya langkah2 dua hala ini atas kebijaksanaan Kebawah Duli Paduka Kakanda jua dalam usaha besar untok mengeratkan hubongan silatul rahim di-antara negeri ini dengan negeri2 lain yang ingin bersahabat dengan Negeri Brunei maka patek yakin bahawa Negeri Brunei akan dapat memasoki masharakat antarabangsa pada penghujong tahun 1983 ini dengan penoh keyakinan akan kedudokan-nya.

## AMAN DAMAI

Dengan ada-nya negeri2 sahabat memahami akan matalamat2 Negeri Brunei dan hasrat Kebawah Duli Paduka Kakanda untok membangun dan menjadikan Negeri Brunei ini bukan sahaja sa-buah negeri yang aman damai dan makmor tetapi juga sa-buah negeri yang stabil dan kukoh maka Negeri Brunei akan dapat memainkan peranan-nya sa-bagai negeri kechil yang di-segani dalam rantau ini.

Ampun beribu ampun.

Atas kebijaksanaan Kebawah Duli Paduka Kakanda jua maka Kerajaan Paduka Kakanda telah menerima beberapa tawaran dari bukan sahaja negeri2 jiran tetapi juga beberapa negeri sahabat yang lain untok membantu Kerajaan Paduka Kakanda dalam menyusun perjalanan pentadbiran bagi membolehkan jentera pentadbiran Kerajaan Paduka Kakanda menghadapi chabaran2 bukan sahaja pada menempohi zaman baru ketika sampai masa-nya pada penghujong tahun 1983 tetapi juga untok menghadapi chabaran2 di-masa2 yang akan datang.

Pada menjunjong titah perentah Kebawah Duli Paduka Kakanda, maka Kerajaan Paduka Kakanda telah dapat menggunakan kemudahan2 yang telah dengan ikhlas di-sediakan oleh negeri2 sahabat dan sa-bagai misal beberapa orang pegawai yang telah di-hantar ka-luar negeri untok mengikuti beberapa latehan dalam alam diplomatik yang mana merupakan satu bidang yang sangat baru bagi Negeri Brunei telah balek ka-tanah ayer dan mula menjalankan tugas masing2.

## ANAK TEMPATAN

Patek perchaya usaha sa-demikian ini ada-lah sa-baik2 jalan bagi melateh pegawai2 anak2 tempatan dalam bidang-bidang tertentu yang mana peluang2 sa-demikian akan memberikan mereka kesempatan bukan sahaja dalam ilmu pengetahuan baru tetapi juga membolehkan mereka mendapat kesempatan untok melihat sendiri usaha dan kesanggupan saing2 mereka di-negeri2 tempat mereka berlateh, bertekun dan melaksanakan usaha pembangunan masing2 yang mana pada menjunjong hasrat Paduka Kakanda jua ada-lah sepenoh-nya di-harapkan usaha tulus ikhlas lagi jujor akan dapat di-tumpukan oleh pegawai2 berkenaan apabila balek ka-tanah ayer nanti.

Ampun beribu ampun.

Dalam suasana Negeri Brunei berusaha untok mempersiapkan diri maka langkah Kebawah Duli Paduka Kakanda pada memperkenankan Negeri Brunei di-wakili dalam Persidangan Menteri2 Luar Negeri2 ASEAN di-Manila dalam bulan Jun 1981 yang lalu sa-bagai pemerhati telah di-sambut dengan megah-nya oleh raayat dan pendudok negeri ini dan patek yakin di-alu2kan oleh raayat dan pendudok negeri2 Asean juga.

Patek di-saat gemilang ini sukachita menjunjong kaseh di-atas amanah dan titah Kebawah Duli Paduka Kakanda pada memperkenankan patek sendiri mewakili Negeri Brunei dalam persidangan tersebut sa-bagai pemerhati, pada menjunjong titah perentah Kebawah Duli Paduka Kakanda jua maka patek telah mengumomkan dalam persidangan tersebut bahawa Negeri Brunei berasaskan 'Sentimen Muhibbah' yang telah di-tunjokan oleh negeri2 Asean akan menimbangkan untok menyatukan diri dalam pertubohan Asean sa-sudah Negeri Brunei mula memainkan peranan-nya dalam masharakat antarabangsa pada awal tahun 1984 nanti. Kesempatan yang telah di-berikan oleh persidangan tersebut yang mana kehadhiran di-dalam-nya telah mendapat perhatian dalam akhbar2 seluroh dunia membawa faedah yang sangat meluas bagi Negeri Brunei terutama-nya dalam tahun2 yang akan datang.

Ampun beribu ampun.

Patek sempena dengan upachara menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Paduka Kakanda ini sukachita menyembahkan ba-

Lihat muka 12

# Dalam menggerak jentera pemerentahan yang chekap dan berkesan — Sabda M. B.

SEMBAH keshukoran sepenoh-nya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abd Momin, selaku wakil Kerajaan dan raayat dan sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun.

AMPUN beribu ampun sembah patek junjong di-ampun.

Bahawa patek bagi pehak seluroh pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah DYMM Duli Tuan Patek, raayat dan pendudok Brunei Darussalam yang terchinta ini, dengan penoh keshukoran ka-hadhrat Allah s.w.t., serta dengan menyusun jari sapuloh dan dengan perasaan yang sa-ikhlas-nya, menyembahkan ka-Majlis Kebawah Duli Tuan Patek, sa-tinggi2 tahniah bersempena Hari Ulang Tahun puja usia Kebawah Duli Tuan Patek kali yang ke-35 tahun dan tahun ke-15 bersemayam di-atas Tahta Singgahsana Kerajaan.

Ampun beribu ampun.

Pada hari yang amat bahagia yakni Hari Ulang Tahun Puja Usia Kebawah Duli Tuan Patek yang jatoh pada 15hb. Julai, 1981 yang dira'ikan hari ini oleh seluroh raayat dan pendudok Negeri Brunei Darussalam, bershukor ka-hadhrat Allah s.w.t., kerana dengan izin-nya jua dapat bersama2 mera'ikan di-samping kegembiraan yang amat sangat ini, tidak lupa juga berdo'a semoga Allah s.w.t., dan sentiasa mengorniakan perlindongan serta hidayah melanjutkan usia Kebawah Duli Tuan Patek serta sentiasa berada dalam keadaan sehat walafiat, kekal keral di-atas Singgahsana Kerajaan Negeri Brunei Darussalam dengan mendapat keredhaan dan petunjok Allah s.w.t. jua.

## BIJAKSANA

Alhamdulillah, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, raayat Kebawah Duli Tuan Patek dan demikian jua pendudok2 yang ikut serta berlindong di-bawah Panji2 Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek dengan kebijaksanaan pimpinan serta berkat daulat Kebawah Duli Tuan Patek jua, tidak putus2-nya menekmati taraf hidup yang semakin tinggi dengan kemudahan2 yang semakin luas lagi sempurna dalam keadaan yang aman dan sejahtera.

Kemudahan2 ini dapat di-nekmati oleh raayat dan pendudok Negeri Brunei Darussalam ini kerana ada-nya ranchangan2 Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek dalam berbagai2 jurusan perkembangan termasok-lah ranchangan perkembangan untok memelihara keselamatan dan keamanan Negeri Brunei yang terchinta ini.

Perkhidmatan2 dan kemudahan2 di-usahakan oleh Negeri Brunei sekarang, sudah sampai kapada perengkat sophisticated saperti salah-satu chontoh memberikan dan menganjorkan latehan2 pengurusan untok membantu menubohkan golongan peniaga2 bumiputera yang berkelibar dan yang berkemahiran, di-ikuti pula dengan titah perkenan Kebawah Duli Tuan Patek baru2 ini supaya skim pinjaman yang di-berikan kapada peniaga2 yang terdiri daripada para bumiputera Brunei yang di-hadkan kapada $250 ribu di-gandakan pula sekarang yang menjadi sa-tengah juta ringgit.

Dalam usaha menuboh dan membiakkan peniaga2 kechil di-kawasan2 luar bandar, satu lagi kelonggaran di-atorkan untok membolehkan penggunaan tanah2 persendirian bagi faedah mengadakan kedai2 runchit, baik sa-chara persendirian mahu pun melalui usaha sharikat kerjasama.

Usaha sementara ini di-jalankan pada memperchepatkan penggunaan tanah dan menyahut hasrat peniaga2 kechil yang terdiri daripada bumiputera Brunei sementara menunggu satu permohonan untok menukar sharat tanah dari pertanian kapada kedai runchit di-pertimbangkan oleh Majlis Mashuarat Menteri2.

Dalam usaha itu, dan pada mengungkayahkan perkhidmatan2 kapada raayat dan pendudok di-negeri ini sachara yang lebeh bermunafaat dan berkesan, ada-lah sentiasa menjadi hasrat dan amalan Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek bagi menggerakkan jentera pemerentahan yang benar2 'efficient' dan 'effective'.

Dalam proses penchapaian matalamat itu, berbagai2 usaha telah dan sedang di-jalankan yang mana di-antara usaha2 itu termasok-lah memberikan latehan2 di-dalam dan di-luar negeri pada pegawai2 dan kakitangan yang berada dalam perkhidmatan. Sa-terus-nya sa-tiap tahun, Brunei melahirkan berpuloh2 pemuda pemudi yang telah menchapai kelulusan yang tinggi. Mereka yang baru mendapat kelulusan yang tinggi itu, perlu pula di-asoh dan di-berikan pengalaman yang sa-chukop2-nya bagi mempersiap persediaan mereka untok jawatan2 yang tinggi dan membawa tanggongjawab yang lebeh.



## BESAR MAKNA-NYA

Dalam usaha pentadbiran yang efficient dan effective ini juga, usaha2 yang di-laksanakan oleh Kebawah Duli Tuan Patek yang mana di-antara-nya terlaksana dalam bentok siri keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patek ka-pejabat2 kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek ada-lah besar makna-nya, kesan-nya bukan sahaja bentok titah nasehat dan tegoran yang di-titahkan oleh Kebawah Duli Tuan Patek malah jua keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patek itu merupakan betapa besar-nya hasrat Kebawah Duli Tuan Patek sendiri untok melihat pergerakan jentera pemerintahan yang sempurna, adil dan jujor serta efficient dan effective pada sa-tiap masa. Khusus untok ini Patek bagi pehak ketua2 dan kakitangan jabatan2 yang telah di-lawati, berbanyak2 menjunjong kaseh dengan sa-tinggi2 penghargaan atas niat baik dan muhibbah Kebawah Duli Tuan Patek itu.

Ampun beribu ampun.

Pada hari yang bersejarah ini, patek menjunjong ampun pada berdatang sembah bahawa patek dengan sa-ikhlas2-nya merekodkan betapa besar-nya penghargaan Kerajaan Kebawah Duli Tuan patek pada melihat dan menerima berbagai2 jenis bantuan dan kerjasama orang ramai dalam usaha meringankan kapada keluarga2 yang terlibat dalam benchana2 alam saperti kebakaran Kampong Sultan Lama beberapa bulan yang lalu. Perkara itu telah dapat memboktikan betapa kokoh-nya perpaduan masharakat sa-isi Brunei ini dalam ertikata hidup bantu membantu antara satu dengan yang lain.

Sebenar-nya semangat dan kesedaran sa-umpama ini jua, wujud dalam perlaksanaan pada mana raayat dan pendudok Islam sedang menghayati Islam sa-bagi chara hidup yang lengkap dan sabagai ideoloji negara yang tunggal buat negeri Brunei Darussalm ini.

## BANTU - MEMBANTU

Seterus-nya, semangat bantu membantu itu jua semakin luas terlaksana-nya dalam usaha raayat dan pendudok negeri ini membela dan memeduli nasib orang2 chachat dan anak2 yatim di-seluroh negeri. Ada-lah menjadi harapan Kerajaan Kebawah Duli Tuan Petak, semoga semangat ini akan semakin subor dan sentiasa di-pupok untok faedah yang mendatangkan menafaat Negeri Brunei Darussalam ini jua.

Sekian sahaja yang patek dapat sembahkan, dan sekali lagi patek menyembahkan tahniah sa-tinggi2-nya.

Bersempena hari ulang tahun puja usia Kebawah Duli Tuan Patek ini, patek jua membaharui ikrar ta'at setia yang tidak berbelah bahagi dan melileh sa-titik jua pun kapada Kebawah Duli Tuan Patek dan mudah2an Allah s.w.t. akan melanjutkan usia Kebawah Duli Tuan Patek kekal karal di-atas takhta Singgahsana pada menjalankan pemerentahan Negeri Brunei Darussalam yang adil dan saksama semata2 kerana Allah jua. Selanjut-nya mudahan2 Kebawah Duli Tuan Patek, Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Paduka Ayahanda, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Y.T.M. Paduka2 Adinda, Paduka2 Anakanda, Kerabat Diraja sekalian, akan sentiasa dalam keadaan sehat walafiat dan dengan keimanan jua.

# UPACHARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddulah telah berangkat ka-Upachara Perbarisan sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-35 tahun pada hari Sabtu lepas.

Keberangkatan Baginda ka-upachara yang di-adakan di-Padang Besar itu telah di-sambut dengan Hormat Diraja.

Sa-juru sa-lepas itu, Pegawai Pemerentah Perbarisan, Major Abdul Aziz bin Abdullah, menjunjong Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi memereksa perbarisan yang terdiri dari Battalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei; Pasokan Panji2 Kebawah D.Y.M.M. dan Panji2 Askar Melayu Diraja Brunei; Battalion Kedua Pasokan Kedua King Edwards Own Gurkha Rifles dan Queen Trancheon serta Pasokan Pulis Diraja Brunei dan Panji2 Diraja Pulis Diraja Brunei.

Pasokan2 pertubohan2 awam yang mengambil bahagian ia-lah Jabatan Laut, Jabatan Kastam Diraja, Jabatan Bomba, Jabatan Imigeresen, Kadet Askar Melayu Diraja, Kadet Pulis Diraja, Palang Merah, Persatuan Pengakap, Pandu Puteri dan Boys' Brigade.

Sa-telah selesai memereksa perbarisan kehormatan, Baginda Yang Dipertuan berangkat semula ka-Pentas Diraja. Dan sejurus sa-telah itu gabongan pasokan pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasokan Pancharagam Pulis Diraja Brunei telah menunjokkan permainan sambil berjalan lalu di-hadapan Pentas Diraja.

Kemudian di-ikuti pula dengan perbarisan kawat lintas oleh pasokan2 Perbarisan yang mengambil bahagian berjalan lalu di-hadapan Pentas Diraja.

Selesai saja perbarisan kawat lintas, tembakan meriam tanda gembira oleh pasokan tembak meriam Pulis Diraja pun di-lepaskan dan di-ikuti dengan tembakan senapang dari pasokan2 perbarisan. Serentak dengan itu 11 buah pesawat helikopter dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei mengadakan upachara terbang lalu dengan mengeluarkan asap yang berwarna-warni.

Upachara perbarisan pada pagi itu telah di-akhiri dengan tiga kali sorak "Daulat Duli Tuan Patek" oleh peserta2 yang mengambil bahagian.

Sa-telah selesai upachara itu, satu Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran di-adakan di Lapau.

Di-Istiadat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mendengar sembah uchapan keshukoran oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sa-bagai wakil Kerajaan dan raayat di-ikuti oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei dan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Baginda Yang Dipertuan juga menerima sembah uchapan yang tidak di-bachakan dari wakil persekutuan, wakil2 kaum.

Kemudian Baginda Yang Dipertuan melafadzkan titah dari Singgahsana Lapau.

Ini di-ikuti dengan pengorniaan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran.

Istiadat tersebut di-akhiri dengan bachaan do'a selamat oleh Mufti Kerajaan Brunei, YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong dan lain2 Kerabat Diraja telah berangkat ka-Istiadat tersebut.

Turut juga hadhir ia-lah TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Penasehat Umom Kebawah DYMM, YAB Ketua Menteri Sabah, Datu Harris Salleh, YAB Menteri Besar dan YB Setia Usaha Kerajaan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sedang memereksa barisan Pulis Diraja Brunei di-Upachara Perbarisan sempena hari keputeraan Baginda yang di-adakan di-Padang Besar (gambar atas).

Gambar kanan, Baginda Yang Dipertuan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersemayam di-atas Singgahsana Lapau semasa Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran sementara gambar bawah kelihatan Baginda menerima sembah uchapan yang tidak di-bacha dari wakil Persekutuan Pengakp Negeri Brunei.









TUAN Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei Awang Arthur Watson, sa-bagai mewakili Kerajaan dan raayat British menyembahkan uchapan keshukoran di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran yang berlangsong di-Lapau.

# ...ERBARISAN DAN ISTIADAT MENGADAP





KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar berangkat ka-Majlis Persantapan di-Taman Istana pada malam Ahad lalu (kiri). sementara gambar atas kelihatan Baginda Yang Dipertuan ketika berangkat ka-Upachara Perbarisan Kehormatan di-Padang Besar.

DYTM Paduka Seri Begawan Sultan ketika berangkat ka-Upachara Perbarisan pada hari Sabtu lepas (gambar bawah).







TEMBAKAN tanda gembira di-lepaskan oleh anggota pasokan perbarisan dan serentak dengan itu 11 buah pesawat helikopter dari Chawangan Udara pasokan Askar Melayu Diraja Brunei terbang lalu sambil mengeluarkan asap yang berwarna-warni (atas).

Hadhir di-Upachara Perbarisan itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awng Haji Isa dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh (bawah).

...i Yang Maha Mulia dengan menaiki Land Rover memereksa barisan pertubohan2 awam dan ...ekolah (atas) sementara gambar2 bawah kelihatan Baginda Yang Dipertuan mengorniakan ...Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — D.S.L.J. kapada Major Pengiran Hasnan ...mad (kiri) dan Awang Khoo Ban Hock.







# K.M. SABAH PULANG SA-TELAH LAWATAN RASMI EMPAT HARI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah Datuk Harris Salleh telah pulang ka-Sabah pada hari Ahad lalu sa-telah mengadakan lawatan rasmi sa-lama empat hari ka-negeri ini.

Berada di-lapangan terbang antarabangsa Berakas untok menguchapkan selamat belayar kapada Ketua Menteri dan rombongan ia-lah Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj. Abd. Aziz dan lain2 pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Diplomatik.

Datuk Harris dan Datin tiba di-sini pada hari Khamis, 13hb. Ogos atas undangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Ketua Menteri Sabah itu di-iringi oleh Setia Usaha Kerajaan Sabah, Datuk Abd Hamid Egoh.

MENGADAP DYMM

Pada sebelah petang hari tersebut, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah itu telah mengadap kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Istana Darul Hana dan beliau telah menyembahkan surat undangan dari Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Adnan Robert kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok berangkat melawat Negeri Sabah awal bulan depan.

Semasa berada di-sini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah itu telah hadhir di-Upachara Perbarisan Kehormatan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 di-Lapau dan Majlis Santapan di-Istana Darul Hana pada 15hb. Ogos yang lalu.

RAI'KAN

Di-samping itu Datuk Harris dan Datin serta rombongan juga di-rai'kan dalam majlis jamuan makan malam oleh Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM, di-tempat kediaman-nya di-Jalan Tutong pada malam Jumaat dan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, di-Rumah Semaun pada Sabtu yang lalu.

Datuk Harris juga di-bawa melawat ka-Daerah Belait dan menunaikan sembahyang fardhu Jumaat di-Masjid Muhammad Jamalul Alam. Manakala Datin Harris pula mempunyai ator chara yang berasingan. Datin telah mengadakan lawatan ka-Rumah Sakit Suri Seri Begawan Kuala Belait.

## Meninggikan mutu bachaan Al-Kor'an

Dari muka 3

"Dalam Pertandingan Membacha Al-Kor'an Perengkat Negeri yang telah di-adakan dalam bulan Puasa yang lalu, sengaja kita menjemput Johan qari Pertandingan Membacha Al-Kor'an bagi Saudara2 Baru kita untok memperdengarkan bachaan-nya bagi maksud supaya kita sendiri akan berlumba2 pada meninggikan mutu bachaan Al-Kor'an dan sentiasa mempunyai semangat yang tidak mahu mengalah dalam perkara pembachaan Al-Kor'an ini," terang Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Turut hadhir di-majlis pada malam ini termasoklah Mufti Kerajaan Brunei, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Kadhi Besar serta pegawai2 kanan kerajaan.

## MBB ranchang lawatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan lawatan ka-Semenanjong Malaysia akhir ini.

Lawatan tersebut di-chadangkan sa-lama enam hari mulai 27hb Ogos dan mengandongi sa-ramai 25 orang peserta yang terdiri dari pemimpin2 belia ia-itu dari kalangan jawatankuasa tertinggi.

Setia Usaha Agong MBB, Awang Mustapha bin Haji Abd Rahman menyatakan lawatan ini ada-lah bertujuan untok meninjau sambil belajar serta mengadakan perjumpaan di-antara pemimpin2 belia di-Malaysia, terutama sekali pemimpin2 dari kalangan Majlis Belia Malaysia dan Persekutuan Kelab2 Belia Malaysia.

Beliau meminta pemimpin2 belia yang berhajat untok mengikuti rombongan itu supaya berhubong dengan Pg Suhaimi bin Pg Haji Wahab, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Tutong dan Awang Rosli bin Omar, Jabatan Pertanian, Bandar Seri Begawan.

Awang Mustapha menegaskan bahawa tambang pergi balek serta belanja penginapan akan di-tanggong oleh peserta.



KETUA Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh ketika mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Istana Darul Hana (atas) sementara gambar bawah kelihatan YAB Ketua Menteri beserta Datin ketika hadhir di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran yang berlangsong di-Lapau.



## *Baginda Sultan berangkat saksikan lumba perahu*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat berchemar duli bagi menyaksikan perlumbaan perahu dan motorsangkut yang di-jalankan di-Sungai Brunei di-sini pada hari Ahad yang lepas.

Achara perlumbaan tersebut ada-lah merupakan salah satu perayaan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-35 tahun.

Berangkat sama menyaksikan perlumbaan itu termasoklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah.

Sa-banyak 12 achara ia-itu 10 dalam achara perlumbaan perahu dan dua achara dalam bahagian motorsangkut telah di-jalankan dalam temasha sa-hari suntok itu.

Dalam achara perlumbaan kedua ia-itu bagi merebut Oskar Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) yang terbuka kapada sekolah2 menengah dan maktab2, pertubohan2 awam dan persatuan2 Belia. Tempat pertama di-menangi oleh Persatuan Pekatan Jabatan Kehutanan, kedua Persatuan Iklas dan ketiga ia-lah Pasokan Kadet Pulis Brunei.

Pasokan Jabatan Bomba sekali lagi mempertahankan kejuaraan-nya dalam lumba perahu 15 pekayoh antara jabatan2 kerajaan beruniform dan seterus-nya memenangi hadiah rebutan yang di-hadiahkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Hj. Abd. Aziz, Setia Usaha Kerajaan Brunei. Tempat kedua di-menangi oleh Pasokan Battalion Kedua AMDB dan ketiga ia-lah Pasokan Angkatan Laut AMDB.

Sementara dalam achara lumba 15 orang pekayoh bagi jabatan2 kerajaan pula, Pasokan Bomba dengan mengayohkan perahu 'Seri Guddam' telah berjaya menggondol hadiah pertama, kedua jatoh kapada Askar Melayu Diraja Brunei dan ketiga Jabatan Kerja Raya.

Perahu 'Seri Guddam' yang di-kayohkan oleh Menteri2 Bertauliah dan Menteri2 Pendalaman telah berjaya mendapat tempat pertama dalam achara perlumbaan 15 orang pekayoh antara Pasokan Pehin2 Timang-timangan Begawan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, TYT Pesurohjaya Tinggi British, YTM Wazir2 dan Cheteria2, YAM Pengiran Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat, Ketua2 Jabatan, Pehin2 Menteri Berchiri, Pegawai Daerah Brunei-Muara dan Penghulu2 dan ketua2 kampong dan Menteri Bertauliah dan Menteri2 Pendalaman dan seterus-nya merebut hadiah yang di-hadiahkan oleh Sharikat Pemasaran Shell Brunei.

Tempat kedua dalam perlumbaan ini di-menangi oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dan pemenang ketiga jatoh kapada Pasokan Pehin2 Menteri Berchiri.

Dalam achara perlumbaan motorsangkut yang bertenaga 45 kuasa kuda, Leopard 444 yang di-punyai oleh Haji Mastan bin Metussin telah munchol sa-bagai johan, tempat kedua ia-lah Ming No 7 dan ketiga Mercury No: 202 kepunyaan Awg. Abu Bakar bin Haji Halus.

Kemunchak dari achara pada hari itu ia-lah perlumbaan 30 orang pekayoh terbuka bagi merebut Oskar yang di-hadiahkan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abd. Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Dalam achara ini perahu2 kepunyaan Awang Hj. Laidin dengan Anak2 buah-nya telah munchol sa-bagai johan, naib johan dan ketiga. Perahu2 tersebut ia-lah Bayang-Bayang; Pelandok Melompat dan Anak Kuching Laut.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abd. Momin bin Pengiran Othman.

## *Hidup dalam aman makmor*

Dari muka 9

hawa raayat dan pendudok Negeri Brunei ini ada-lah sentiasa hidup dalam keadaan aman damai, makmor lagi bersatu padu dan raayat Kebawah Duli Paduka Kakanda sentiasa bershukor ka-hadharat Allah s.w.t., kerana dapat berlindong di-bawah pimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Paduka Kakanda dan Kerajaan Paduka Kakanda.

Patek sentiasa berdoa semoga Allah s.w.t., akan terus menerus melimpahkan rahmat-Nya kapada raayat dan pendudok Negeri Brunei ini dan Negeri Brunei Darussalam ini akan sentiasa di-berkati-Nya dengan kemakmoran, kebahagiaan dan kesejahteraan.

Patek bagi pehak Wazir2, Cheteria2, Kerabat2 Diraja dan Menteri2 sekalian menjunjong ampun untok menyembahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kapada Kebawah Duli Paduka Kakanda dan berdo'a semoga Allah s.w.t., akan melanjutkan Usia Kebawah Duli Paduka Kakanda Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Kebawah Duli Paduka Kakanda Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta Kebawah Duli Paduka Ayahanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin dan Kerabat2 Diraja sekalian kekal karal memerintah di-atas Takhta Singgahsana Kerajaan Negeri Brunei Darussalam.

Amin Ya Rabbul Alaamin.

## Pemenang2 peraduan mengumpol setem

Dari muka 3

Sementara projek2 yang sedang di-selenggarakan pula dengan giat-nya, tambah Yang Amat Mulia, ia-lah saperti mengadakan Pejabat2 Pos chawangan di-Seri Kompleks dan Jalan Gadong yang di-jangka akan siap menjelang tahun kemerdekaan.

Sementara Ketua Pos Agong Pengiran Jeluddin bin Pengiran Mohd. Limbang dalam kata alu2an-nya menjelaskan bahawa mulai pada tahun ini pameran pos akan di-namakan sa-bagai 'POSPA' di-mana pada tahun ini ia-nya di-namakan 'POSPA 81'.

Dan buat pertama kali-nya juga tahun ini, Jabatan Perkhidmatan2 Pos mengadakan peraduan mengumpol setem yang terbuka kapada semua murid2 sekolah dan pelateh2 di-maktab2 dan sekolah2 pertukangan.

Dalam peraduan mengumpol setem bagi murid2 sekolah rendah termasok SPI, tempat pertama di-menangi oleh Dayang Srihanarahyu binti Mohd. Yusof dari Sekolah Persediaan Inggeris Pulaie, Berakas, kedua ia-lah Awang Mawardi bin Mohammad, Sekolah Melayu Lela Menchanai dan pemenang ketiga Awg. Joanna Yacob dari Sekolah St. Andrew.

Bagi penuntut2 sekolah menengah, maktab2 perguruan serta teknikal, tempat pertama, kedua dan ketiga jatoh kapada penuntut2 dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Mereka ia-lah Ak. Sharifuddin bin Pengiran Haji Bakar, Awang Mohaimin bin Haji Sulaiman dan Ak. Sharifuddin bin Pengiran Haji Bakar.

Hadiah2 kapada pemenang peraduan telah di-sampaikan oleh YAM Menteri Besar.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

…ulai 15hb Julai 1981 …aran Melayu Radio …unei akan bermula dari …m 6.00 pagi terus-…nerus hingga jam 10.30 …alam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI:

6.00–6.02 pagi: Allah Peliharakan Sultan
6.02–6.30 pagi: Sinaran Wahyu
6.30–8.30 pagi: Dendang Suria
Bingkisan Hari Ini
Suntingan Hidayah
Peringatan Harian
Panduan Sokan
Bertutor Dalam Bahasa Inggeris
12.00–12.45 T/H: Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo) kechuali hari2 Khamis, Jumaat dan Ahad.

7.30 malam dan
1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
6.00 petang: Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib
10.15 malam: Bachaan Al-Kor'an
10.24 „ Do'a Restu
10.29 „ Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA:

7.00 pagi (Berita2 dalam negeri)
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
3.00 petang (tiap2 hari Jumaat, Sabtu dan Ahad)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
9.30 Berita Dunia dari BBC London.

**Menyiarkan AZAN:**
Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## …IARAN F. M. STEREO

…3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
…8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

## …ELOMBANG SEDERHANA

…5 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
…4 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

### Hari Rabu 19hb. Ogos

…GI:
Rimba Raya (SU)
Dendang Antarabangsa
Permintaan Pagi Rabu
Rampaian Joget
Surat Dari London
Riang Ria
Taman Mekar (SU)
Autograph Pendengar (SU)

…ARI:
Persembahan-ku (SU)

…ANG:
Chitra Irama
Tahniah dan uchap selamat
Hiboran Petang
Bingkisan Tanah Ayer
Panduan Pelajar
Dendang P. Ramlee.
Serbanika Hiboran
Senandong Asli

…AM:
Rangkaian Lama dan Baru
Permintaan Sukaramai
Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 20hb. Ogos

…I:
Ruangan Ketani (SU)
Dendang Antarabangsa
Pilehan Pendengar
Lagu2 Jenaka
Rampaian London
Lagu Kanak-Kanak
Permintaan Suka Ramai

…ARI:
Chitra-wara

…NG:
Ira Kenchana
Sandiwara Radio (SU)
Hiboran Petang
Panduan Pelajar
Tafsir Al-Koran
Soal jawab ugama
Persembahan Lagu2 Gambus
Irama di-senja.

…AM:
Bachaan Surah Yassin
Bimbingan Al-Koran
Permintaan Sukaramai
Hidayat.

### Hari Jumaat 21hb. Ogos

…GI:
Pertanian
Pelajaran Dewasa Di-Udara
Tafsir Al-Kor'an (SU)
Soalan Di-Udara
Untok Belia
Bimbingan Al-Kor'an (SU)
Lukisan Masharakat.

…NGAH HARI:
Lagu Dakwah
Bachaan Al-Kor'an
Qasidah/Nashid
Lagu2 Timor Tengah.

…ANG:
Ruangan Ketani
Majallah Radio (SU)
3.15 Apa Pendapat Awda
3.30 Focus Radio
4.00 Cherpen dan Salokan
4.30 Langgam Suara
5.00 Puspa Irama
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM:
7.00 Lagu2 Hiboran
8.30 Kampong Terpuji (SU)
9.00 Soal jawab ugama
9.45 Mari Berpantun

### Hari Sabtu 22hb. Ogos

PAGI:
8.30 Focus Radio (SU)
9.00 Riang Ria
9.15 Soalan Di-Udara (SU)
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Hiboran Ranchak
10.30 Rampai Sari
11.30 Irama Hindustan
11.45 Varia Peristewa (SU)

T/HARI:
1.30 LAGU2 Dari Filem
1.45 Rimba Raya (SU).

PETANG:
2.00 Permintaan Hujong Minggu
3.15 Anika Lagu
3.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU)
4.00 Mutiara Asli
4.30 Chitra Irama
5.00 Rangkaian Lama dan Baru
5.45 Senandong Ria.

MALAM:
7.00 Rampaian Malam
8.30 Cherpen dan Salokan (SU)
9.00 Irama Keronchong
9.15 Titian Budaya (SU)
9.45 Langgam Suara (SU).

### Hari Ahad 23hb. Ogos

PAGI:
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Siaran Langsong Istiadat Perbarisan Hari Keputeraan Kebawah DYMM di-Daerah Belait
10.15 Berita
10.30 Siaran Langsong Istiadat Mengadap di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait.
11.00 Senandong Seloka
11.30 Suara Kugiran

T/HARI:
12.00 Sandiwara Radio
12.32 Segar dan Ranchak
1.00 Permintaan Dua Station

PETANG:
2.00 Kampong Terpuji
2.30 Gema Ria/Persembahan-ku
3.15 Riang Ria
3.30 Mari Berpantun
4.00 Chitra-wara
4.30 Arena Sokan/Lagu2 Hiboran
5.00 Persembahan Gazal
5.45 Irama di-senja.

MALAM:
7.00 Lagu2 Pilehan
8.30 Suara Parajurit
9.45 Permintaan Lagu2 60an.

### Hari Isnin 24hb. Ogos

PAGI:
8.30 Serbanika Hiboran
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI:
1.30 Senandong Seloka

PETANG:
2.00 Kenangan Mengusik Jiwa
2.30 Persembahan Gazal (SU)
3.15 Rampaian Joget
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Bingkisan Tanah Ayer
4.30 Pertanian dan Perikanan (SU)
5.00 Komintar Radio
5.15 Periang Hati
5.45 Lagu2 nasehat.

MALAM:
7.00 Aneka Irama.
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Mutiara Asli.

### Hari Selasa 25hb. Ogos

PAGI:
8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wanita.
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
11.00 Autograph Pendengar
11.30 Dunia Wanita (SU).

T/HARI:
1.30 Lukisan Masharakat.

PETANG:
2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Hiboran
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Suara Kugiran (SU)
4.30 Untok Belia (SU)
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Senandong Senja.

MALAM:
7.00 Gema Silam
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Senandong Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

DAVID'S CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.
8.15 Concerto
8.55 The History of Music In Sound Baroque 1
9.30 Musical Gems.

#### Thursday

P.M.
8.15 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.00 In Latin Mood
9.30 Story Time: Napoleon and Josephine

#### Saturday

P.M.
8.15 Hits In Germany
8.45 Frank Muir Goes Into
9.30 Top Of The Pops.

#### Monday

P.M.
8.15 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre

#### Tuesday

P.M.
8.15 Just For You
9.00 Rock Line
9.30 Stereo Pop Special

### Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.
8.00 Radio Newsreel
9.15 News.

### HOLIDAYS — Friday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 Light Music from Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 The Hitch Hiker's Guide to the Galaxy

P.M.
12.45 Neil Richardson Presents
1.15 BBC Sports Magazine
8.00 Radio Newsreel
8.15 Three Ladies In Stereo
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Stringsound

### Sunday

A.M.
11.00 We Care For You
11.15 BBC Beautiful Music
11.30 World of Education
12.00 Frank Muir Goes Into
12.45 Interlude
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.
8.00 The Restless Year
8.45 World of Education
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Science Pop.

# PERLAWANAN POLO PIALA PULIS

JERUDONG. — Perlawanan Polo Piala Pulis sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun telah berakhir minggu lalu bertempat di-Padang Polo Jerudong di-sini.

Sa-banyak empat buah pasokan yang mengandongi pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pasokan Duli Pengiran Digadong, pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan pasokan Pulis Diraja Brunei telah mengambil bahagian dalam perlawanan yang di-langsongkan salama tiga hari itu.

Dalam perlawanan di-hari terakhir pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengalahkan pasokan Duli Pengiran Digadong dengan 14 gol berbalas lapan. Dalam perlawanan awal pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah mengalahkan pasokan Pulis Diraja Brunei dengan enam gol berbalas lima.

Di-hari pertama pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berjaya menewaskan pasokan Pulis Diraja dengan 14 gol berbalas tujoh manakala pasokan Duli Pengiran Digadong mengalahkan pasokan Askar Melayu Diraja dengan 14 gol berbalas enam.

Sementara itu dalam perlawanan di-hari berikut-nya pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengalahkan pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dengan 16 gol berbalas tiga manakala pasokan Duli Pengiran Digadong mengalahkan Pasokan Pulis Diraja Brunei dengan 15 gol berbalas lima.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Abdul Rajid.



**GAMBAR menunjokkan pasokan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal sedang membuat serangan ketika menentang pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam perlawanan akhir dalam mana pasokan YTM itu telah tewas dengan 8-14.**




# PESTA PANTAI LUMUT

KUALA BELAIT. — Jawatankuasa sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun bagi daerah ini akan mengadakan satu pesta pantai bertempat di-Pantai Lumut pada 6hb. September depan.

Beberapa achara menarek telah pun di-ranchang dalam pesta itu nanti dan ini termasok-lah persembahan2 kebudayaan, sokan dan peraduan silat dan nyanyian bagi kanak2 yang berumor 12 tahun kebawah. Achara lumba perahu juga di-adakan.

Borang2 peraduan silat boleh di-dapati dari Awg. Harun bin Mokti di-Lembaga Bandaran Kuala Belait, manakala borang2 peraduan nyanyian boleh di-dapati dari Awg. Ahad bin Selamat di-Sharikat Minyak Shell di-Seria.

Borang2 bagi achara lumba perahu boleh di-dapati dari Ketua Kampong Sungai Liang.

# Tarek kalat dan atletik Daerah Belait

KUALA BELAIT.— Pertandingan akhir tarek kalat sa-bagai salah satu achara di-dalam perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-35 tahun di-daerah ini akan di-adakan pada hari Ahad, 23hb. Ogos depan.

Sa-banyak 26 pasokan di-dalam kedua2 achara bagi peserta2 150 paun katas dan 150 paun kabawah turut bersaing di-dalam pusingan awal perlawanan yang berlangsong kelmarin di-pekan ini untok menentukan pasokan mana-kah yang berjaya ka-perengkat akhir dan saterus-nya menentukan pasokan yang akan mewakili daerah ini ka-perengkat negeri.

Penyampaian hadiah di-akhir achara akan di-sempurnakan oleh Yang Berbahagia Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss.

Sementara itu perlawanan yang sama bagi perengkat Daerah Brunei Muara telah pun bermula di-kawasan tanah lapang berhadapan dengan Padang Besar di-Ibu Negeri minggu lalu.

Satu lagi achara sokan sempena perayaan ini akan di-adakan pada hari Sabtu dan Ahad, 12hb. dan 13hb. September depan bertempat di-Gelanggang Arena, Seria.

Achara atletik yang juga merupakan satu2-nya achara yang baru di-adakan pada tahun ini sempena perayaan akan di-rasmikan pembukaan-nya oleh Awang Peter Everett, Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Sa-ramai kira2 100 orang olahragawan dari daerah ini di-jangka akan bersaing di-dalam berbagai achara yang di-pertandingkan di-kedua-dua hari tersebut.

Achara penutup perjumpaan sokan itu akan di-sempurnakan sekali lagi oleh Yang Berbahagia Pegawai Daerah, Pengiran Idriss.

# Ranchang sertai perlawanan luar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Kebangsaan Brunei akan menyertai beberapa perlawanan perengkat antarabangsa yang akan di-anjorkan di-luar negeri. Demikian di-jelaskan oleh salah sa-orang ahli persatuan tersebut baru2 ini.

Sa-banyak enam orang pemain pilehan dari persatuan tersebut di-jangka mewakili negeri ini di-Kejohanan Pasokan Asian kali kelima yang akan berlangsong di-Shanghai, China Nobember depan.

Persatuan Chator Brunei telah lama menjadi ahli Persatuan Chator Sa-Dunia dan memandang kapada kedudokan-nya itu ia-nya telah di-jemput untok menyertai perlawanan Zonal ke-10 sebelum mengambil bahagian di-kejohanan dunia.

Ada-lah juga di-fahamkan yang persatuan telah pun meranchang untok mengadakan lawatan ka-Indonesia untok mengadakan beberapa perlawanan persahabatan di-sana dalam bulan Nobember depan.

Sementara itu perlawanan bagi Kejohanan Kebangsaan perengkat daerah sa-bagai memperingati Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-35 tahun bagi bahagian perseorangan akan bermula pada 20hb. Ogos dan berakhir pada 30hb. Ogos.

Sa-banyak 14 orang pemain akan bertarong dalam perlawanan selama 14 hari itu. Ini termasok-lah johan dan naib johan tahun lalu ia-itu Awg. Mohammad Haji Damit dan Muhammad bin Ismail. Perlawanan dalam bahagian berpasokan di-jangka di-jalankan sa-baik sahaja selesai perlawanan dalam bahagian tersebut.

Pemenang2 dalam kedua2 bahagian akan mewakili daerah tersebut dalam perlawanan perengkat negeri yang akan di-adakan nanti bagi merebut piala yang masing2 di-korniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah.

Sementara itu perlawanan yang sama bagi perengkat daerah Belait telah memileh wakil ka-perengkat negeri kini sedang berjalan lanchar bertempat di-Kelab Ria Kuala Belait.

Sa-ramai 26 orang berlawan dalam bahagian perseorangan sementara 40 orang lagi dalam bahagian berpasokan.



**KEDUA2 gambar menunjokkan bagaimana hebat-nya perlawanan di-Daerah Brunei-Muara.**



# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI FITAR TINGKAT I DI-JABATAN LAUT

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Fitar Tingkat I di-Jabatan Laut, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 27 tahun dan mempunyai sekurang2-nya sapuloh tahun pengalaman praktikal bekerja sa-bagai fitar mekanik atau fitar kejuruteraan laut.

b) Pemohon2 mesti-lah boleh memahami pelan2 lukisan kejuruteraan.

c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik tentang alat2 kelengkapan kejuruteraan laut dan chara2 menggunakan-nya.

d) Pemohon2 mesti-lah tahu menggunakan perkakas dan lain2 alat kejuruteraan yang di-gunakan di-dalam sa-sebuah workshop kejuruteraan. Mereka mesti-lah boleh membaiki injin2 diesel marine yang besar-nya sa-hingga 225 Brake Horse Power.

e) Chalon2 akan di-kehendaki menjalani satu Ujian Pertukangan untok menentukan kechekapan mereka sa-bagai Fitar Kejuruteraan. Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bertugas di-mana2 saja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji:**

E.1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang2 yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Ogos, 1981.

(E/1075/73)
(Bil: 139/1981)

## Sa-bagai Guru Jururawat Kelinik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Guru Jururawat Kelinik di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Kelulusan jururawat yang di-iktiraf oleh General Nursing Council of England, dan sa-baik2-nya mempunyai Sijil Perbidanan Division satu atau kelayakan yang sebanding.

b) Mesti-lah mempunyai Clinical Instructor's Certificate daripada sa-sebuah badan latehan yang di-iktiraf dan mempunyai sekurang2-nya dua tahun di-bidang latehan.

**Tangga Gaji:**

M. 11 — B$1670-1745-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310--3495 / EB / 2480 - 2565-2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat Lantekan:**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb September, 1981.

(E/326/78 — Bil: 138/1981)

## Di-Jabatan Pelajaran, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

1. PEMBANTU TEKNIK
   — dalam Jurusan2:
   Automotive
   Catering
   Telecommunications
   Vehicle Body Repair
   Welding
   Electrical
   Refrigeration

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Mesti-lah tamat sa-suatu Kursus Sekolah Teknikal. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai Sijil City and Guilds dalam mata-pelajaran yang berkenaan.

**Tangga Gaji:**
D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175-1200-1230-1260-1290.

2. PEMBANTU MAKMAL:

**Kelayakan dan Pengalaman:**
Tamat Kursus Radio, Television dan Electronics Servicing. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai Sijil City and Guilds dalam mata-pelajaran yang berkenaan.

**Tangga Gaji:**
D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Ogos, 1981.

(E/540/76 — Bil: 134/1981)

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

### TENDER No. 45/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A', 'B' and 'C' up to 12.00 noon on Tuesday, 25th August, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR TRAINING BUILDING FOR FISHERIES FIELD STATION, MUARA

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked:— "Tender for the Electrical Installation for Training Building for Fisheries Field Station, Muara."

The tender deposit of $100.00 will be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 46/1981

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Class "A" Cable Laying Contractors up to 12.00 noon, Tuesday, 25th August, 1981 for the following:—

CABLE LAYING FROM LAMUNIN SUB-STATION TO THE END OF THE LAYONG ROAD, TUTONG, BRUNEI.

Tenders received after the stated time will be rejected.

Tender shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of Tenderer's name or address and shall be marked clearly:— "Cable Laying from Lamunin Sub-station to the end of the Layong Road, Tutong."

The form of tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

The tender deposit will be $500.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.

### SERIAL No. 50(AC)81

AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade 'A' and 'B' air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuseday 15th September, 1981 for the:—

RENOVATION AND REPLACEMENT OF AIR CONDITIONING EQUIPMENT RELIGIOUS AFFAIRS BUILDING BANDAR SERI BEGAWAN

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked Renovation & Replacement of Air-Conditioning Equipment Religious Affairs Building, Bandar Seri Begawan.
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the site preparation, supply of materials and construction of a clear plastic ventilated roof PLANT PROPAGATION HOUSE with a dimension of 50ft x 30ft ground area; 15ft high to the peak of the roof, and 8ft clearance from the ground to the eaves.

The propagation house frame is of grade B galvanised iron (G.I.) pipe construction with wooden purlins supportting the clear plastic corrugated roofing sheets.

The floor of the house will be a 4 inch depth of 1½ inches crusher run stones with 2 inch thick concrete slabs 1ft x 1 ft in area placed in pathways between the growing areas.

The propagation house is to be built at the Sinaut Agricultural Training Centre, Mile 21, Jalan Tutong and a site inspection can be arranged by contacting the Principal of the Training Centre.

Tenders should be submitted to the Chairman Tenders Board Brunei, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan by 12.00 noon on Tuesday 25th August, 1981.

Tenders should be placed in a plain sealed envelope, with no indication of the name of the tenderer, but marked CONSTRUCTION OF PLANT PROPAGATION HOUSE FOR AGRICULTURAL DEPARTMENT — CONFIDENTIAL.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 95 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th August, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF KILANAS RELIGIOUS PRIMARY SCHOOL AT MILE 7, JALAN TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 96 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th August, 1981 for:—

THE CONSTRUCTION OF 18 BLOCKS OF CLASS 'C' QUARTERS AND 18 BLOCKS OF 2 UNITS CLASS 'G' QUARTERS AT RBMR CAMP, PENANJONG, TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 97 OF 1981

FRESH Tenders will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th August, 1981 for:—

RE-ROOFING AND FULL RE-DECORATION OF RESIDENCE BUILDING NO. PWD 500 AT JALAN BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 98 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th August, 1981 for:—

ERECTION OF 6' HIGH P.V.C. CHAIN LINK FENCING AND TURFING WORKS AT CLASS 'E' AND 'F' FLATS HOUSING SITE AT OLD AIRPORT ROAD, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 99 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF MOSQUE FOR KAMPONG SUNGAI HANCHANG, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawar Brunei.

### No. 100 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for:—

THE CONSTRUCTION OF DRAINAGE SYSTEM AND FOOT PATH FOR PROPOSED WIDENING OF JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 101 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF R.C. DRAIN, SUB-SOIL DRAIN AND GABION WALL ETC AT BERAKAS POLO FIELD, BERAKAS, BRUNEI.

### No. 102 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF DRAINAGE SYSTEM AND ANCILLARY WORKS AT ACCESS ROAD TO THE STAFF HOUSING FOR PLACE OF DETENTION, OFF JALAN TUTONG MILE 10, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 103 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF PHASE IV 4 BLOCKS CLASS 'C' FLATS AND OTHER WORKS AT KAMPONG ANGGEREK DESA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 104 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF PROPOSED RIVER RETAINING WALL ALONG GRAVE YARD AT JETTY No. 6 ALANGAN DAMIT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 105 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for:—

SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO JALAN LIMAU MANIS-LUMAPAS, BRUNEI-MUARA DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan. Brunei.

## TENDER NOTICE

### SITE CLEARANCE AND EARTHWORKS FOR THE PROPOSED SECONDARY SCHOOL BANGAR TEMBURONG

1 TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, from P.W.D. registered Class 'A' Contractors for the Site clearance and earhtworks of the Proposed SECONDARY SCHOOL BANGAR TEMBURONG up to 12.00 noon Tuesday 1st September 1981.

2 Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3 Tenders must be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR SITE CLEARANCE AND EARTHWORKS AT THE SITE OF THE SECONDARY SCHOOL BANGAR TEMBURONG."

4 Tender documents may be obtained from and/or inspected at the office of the ARCHITECTS Billings Leong and Rex Koh, Suite 43 Britannia House, 38 Jalan Cator, Bandar Seri Begawan from Wednesday 19th August 1981 during normal office hours.

5 The Tender Deposit shall be $500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to return the tender document to the Architect before closing date.

6 Tenders shall be submitted only on the Form of Tender provided.

7 The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PENYELIA JURURAWAT KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penyelia Jururawat Kesihatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai kelulusan2 yang ber-ikut : —

a) S.R.N.
b) S.C.M.
c) Sijil Pelawat Kesihatan dan Diploma in Advanced Nursing Administration.

**Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman bekerja sa-bagai Ketua Jururawat Kesihatan.

**Tugas2 :**

a) Chalon2 yang berjaya (perempuan) akan bertanggong-jawab kapada Pegawai Perubatan Kesihatan untok menyelia, mengawal dan mengator tugas2 semua jururawat2 Bahagian Kesihatan dan perbidanan dan lain2 perkara yang mungkin berbangkit dari masa ka-semasa.
b) Dia hendak-lah menyelaraskan semua aspek kerja2 Rawatan Kesihatan dan berkerjasama dengan Pegawai Perubatan Kesihatan.
c) Dia hendak-lah juga berhubong rapat dengan Pengetua Jururawat Jabatan Perubatan dan Kesihatan mengenai semua perkara2 yang berkaitan dengan Perbidanan dan Pengambilan jururawat bahagian Kesihatan.

**Tangga Gaji :**

M. 12 — B$2460-2555-2650-2745 / EB / 2840 - 2935-3030-3125-3220. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat 5hb September, 1981.

(E/1881/76)

(Bil : 128/1981)

## Sa-bagai Pegawai Laut Home Trade I

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Laut Home Trade I di-Jabatan Laut, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Sijil kechekapan sa-bagai Master of a Home Trade Ship yang di-keluarkan oleh Jabatan Perdagangan dan Perusahaan United Kingdom atau salah sa-buah negeri Commonwealth. Perkhidmatan di-Jabatan Laut atau Penguasa Pelabohan dan/atau pengalaman sa-bagai Mate atau Master Kapal Pengorek (trailing suction hopper dredger) ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tugas2 :**

Tugas2 utama ia-lah selaku Master kapal pengorek (trailing Suction Hopper Dredger) yang berpengkalan di-Pelabohan Muara, Brunei atau selaku Master bagi Kapal Tunda yang Bertambat atau Kapal Pemelihara Boya. Lain2 tugas 'am sa-bagai pegawai laut mengikut keperluan perkhidmatan dari masa ka-semasa.

**Tangga Gaji :**

C.3 EB.4—$1735-1795-1855-1915-1980 / E B / 2035 - 2095-2155-2215-2280. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Chalon2 bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Ogos, 1981.

(E/725/81)

(Bil : 122/1981)

## Sa-bagai Penguasa Terafik Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penguasa Terafik Kanan di-Jabatan Talikom, Brunei.

**Kelayakan2 Utama :**

Mempunyai latehan kejuruteraan talikom yang asas bersama kelulusan teknikal sa-hingga menchapai perengkat menengah.

Pengalaman yang meluas dalam Kerja2 Terafik yang meliputi aspek2 Penjualan dan Perkhidmatan hingga-lah kapada pembekalan alat2 dan ramalan perkembangan.

Mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan Penyelia Kanan dengan se-sebuah pertubohan Talikom yang besar.

**Kelayakan yang lain :**

Pengetahuan Bahasa Melayu merupakan satu kelebehan tetapi tidak di-mestikan.

**Had Umor :**

Sa-kurang2-nya 35 tahun. Tidak ada had umor tua dengan sharat di-akui sehat tuboh badan.

**Jawatan dan Tugas2 :**

Bertanggongjawab sa-chara keselurohan terhadap kakitangan2 Perkhidmatan dan Penjualan, ramalan perkembangan talipon, pembekalan alat2 dan juga pembahagian serta pembayaran Antarabangsa.

**Tangga Gaji :**

B. 2 — B $1975-2050-2125-2208-2285 - 2366 - 2445 - 2525-2610-2690 - 2775 - 2870 - 2965-3078-3175-3280.

**Sharat2 Lanetkan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb September, 1981.

(E/1129/81—Bil: 137/1981)

## Sa-bagai Kurator Ilmu Kejadian

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Kurator Ilmu Kejadian di-Jabatan Muzium Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor 18 tahun hingga 40 tahun.
b) Pemohon2 mesti-lah sakurang2-nya mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (lulus atau kepujian) atau A.M.A. dalam bidang2 biology/Zoology atau yang sa-banding dengan-nya serta faseh bertutor dalam kedua2 Bahasa Melayu dan Inggeris.
c) Pemohon2 mesti-lah saorang lelaki yang bersedia untok bertugas di-hutan2 dan daerah2 pendalaman pada bila2 masa yang di-perlukan.
d) Bagi pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(b) tetapi telah berkhidmat di-Jabatan Muzium atau di-Jabatan Kerajaan yang lain sakurang2-nya sa-lama 10 tahun serta pernah menjalani latehan di-bidang Ilmu Kejadian di-Muzium atau University di-United Kingdom atau di-negeri2 Commonwealth boleh juga di-pertimbangkan.

**Tugas2 :**

Bertanggong-jawab dala mentadbirkan, memajuk dan mentafsirkan kumpo an2 Ilmu Kejadian, mem buat sumbangan yang pen ting terhadap projek yan di-selenggarakan oleh Ba hagian Ilmu Kejadian da di-galakkan untok menyela raskan usaha2 individu2 kumpolan2 masharakat da ajensi2 di-Brunei denga tujuan menubohkan bank data2 Ilmu Kejadian da Kaji Hayat.

**Tangga Haji :**

B. 2 EB. 3 — B$1975-205 2125-2205-2285 - 2365 - 244 2525-2610-2690 - 2775 - 287 2965-3070-3175 - 3280 / E B 3350-3445-3540-3640.

Sa-seorang yang sedang ber khidmat dengan Kerajaa hendak-lah menghantar per mohonan-nya melalui Ketu Jabatan-nya, dan Ketua Ja batan itu hendak-lah m nyertakan bersama2 denga permohonan ini satu Lapora Sulit dan satu salinan Reko Perkhidmatan yang lengkap

Permohonan2 mesti-lah d hantar dalam dua salina borang yang boleh di-dapa daripada Jabatan Perjawata Brunei dan hendak-lah d kembalikan bersama2 denga salinan surat2 akuan da sijil2 tidak lewat dari 31h Ogos, 1981.

(E/161/80 — Bil : 136/1981

## Sa-bagai Pembantu Teknik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memohon jawatan kosong sa-bagai Pembantu Teknik di-Jabatan Majlis2 Mashuarat Negeri, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 35 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-berikan kapada chalon2 yang mempunyai sa-suatu kelulusan teknikal dan pengalaman dalam bidang yang berkenaan dengan alat2 perkakas 'audio' saperti perakam suara, pemasangan mikrophone, earphone serta mengetahui kerja2 memotong/menyambong wayar2 elektrik.

**Tugas2 dan Tanggong-jawab:**

Sa-bagai pembantu kapada Pembantu Teknik Kanan dan bertanggong jawab mengenai dengan alat2 'audio' saperti tape racorder di-dalam Bangunan Dewan Majlis di-mana terdapat Bilek2 Per dangan, Bilek2 Mashuarat da Bilek Persidangan di-Istan Jentera hawa dingin da lampu2.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-44 455-470-485-500-515-535-55 580-605-630-655-720-755-79 825-860-900 / EB / 980-101 1040-1070-1105 - 1140 - 117 1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang be khidmat dengan Kerajaa hendak-lah menghantar pe mohonan-nya melalui Ket Jabatan-nya dan Ketua Jab tan itu hendak-lah menyert kan bersama2 dengan perm honan ini satu Laporan Su dan satu salinan Rekod Pe khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah d hantar dalam dua salina borang yang boleh di-dapat daripada Jabatan Perjawata Brunei dan hendak-lah d kembalikan bersama2 denga salinan surat2 akuan dan siji tidak lewat dari 27hb Ogo 1981.

(E/569/78 — Bil : 130/1981

## Sa-bagai Buroh /Pemberseh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang mempunyai kelayakan yang sesuai untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Buroh/Pemberseh di-Pejabat Lembaga Pepereksaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun.
b) Hendak-lah tahu menulis dan membacha.
c) Pemohon2 yang berumor lebeh daripada 45 tahun dan mereka yang telah bersara boleh juga memohon untok di-pertimbangkan.
d) Pemohon2 yang tinggal di-kawasan2 yang berdekatan dan pernah bekerja sa-chara bergaji hari ada-lah di-utamakan.

**Am-nya :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas di-mana sahaja di-dalam ne geri.

**Tangga Gaji :**

F.1-2-3 EB.4—$350-360-37 380-390-400-410-420-430-440 450-460-470/EB/490-500-51 520.

Sa-seorang yang sedang be khidmat dengan Kerajaa hendak-lah menghantar pe mohonan-nya melalui Ketu Jabatan-nya dan Ketua Jaba tan itu hendak-lah menyerta kan bersama2 dengan perm honan ini satu Laporan Sul dan satu salinan Rekod Pe khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah d hantar dalam dua salina borang yang boleh di-dapat daripada Jabatan Perjawata Brunei dan hendak-lah di kembalikan bersama2 denga salinan surat2 akuan dan siji tidak lewat dari 22hb Og 1981.

(E/38/79 — Bil : 125/1981)

## Sa-bagai Bilal di-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Bilal di-Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan Perkhemahan Berakas, Perkhemahan Bolkiah, Perkhemahan Muara atau Perkhemahan Tutong.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 30 hingga 45 tahun dan mahir dalam membacha Al-Kor'an dan mengetahui ajaran2 Ugama Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.
b) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardhu Kipayah bila2 masa di-kehendaki.

**Tangga Gaji :**

D.1-2 EB.3—$425-440-455-470 - 485-500-515-535555-580 - 605-630-655/EB/720-755-790 - 825-860-900.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Ogos, 1981.

(E/1659/77)

(Bil : 133/1981)

## UNSERVICEABLE VEHICLES AND SCRAP

**LOT 69**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 10.00 am., 5th September 1981 for the undermentioned unserviceable vehicles and scrap.
2. Tenders received after this time will be rejected.
3. Vehicles and scrap may be viewed in RSSD Logistics Depot Compound, Bolkiah Camp until 11.00 a.m. 4th September 1981.
4. Tenders must be placed in plain sealed envelopes and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. Envelopes must be addressed to the Chairman Tenders Board, the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan and must be clearly marked on the top of the envelope with the Lot number (Lot 69, RBMR).
6. Any tenders received in an envelope not properly addressed will be rejected.
7. Vehicles and scrap are offered for sale "As Lying" and must be removed from present site by successful tenderer within 14 days notification.
8. The Government does not bind itself to accept the highest or any tender.

| Ser No. | Items | Qty |
|---|---|---|
| 1 | Toyota Fork Lift | 1 |
| 2 | Water Bowser 2000 Glns (Tanker) | 1 |
| 3 | ¾ Ton Cargo Trailer | 1 |
| 4 | ¾ Ton Cargo Trailer | 1 |
| 5 | Scrap Metal | 6 Tons |

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR SPRAY PAINTING BOOTH INSTALLATION, WORKSHOP EXTENSION FOR RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Contractors or Specialist or Local Agent of Manufacturers up to 12.00 noon, 1st September, 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR SPRAY PAINTING BOOTH INSTALLATION, WORKSHOP EXTENSION FOR RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Associated Consultants Pte. Ltd., Block F11-12, Seri Temasek, Seri Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 5th August 1981 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundreds only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Contractor or Specialist or Local Agent of Manufacturers.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT TENDER NOTICES

TENDERS are invited for the supply of Plastic Sign Name to Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

| Ser | Sign Description | Size | Colour lettering back ground | Qty |
|---|---|---|---|---|
| a. | All visitors are to report to office<br>Semua pelawat melaporkan diri | 24″x18″ | Red background white lettering | 1 |
| b. | Forklift only<br>Forklift sahaja | 18″x 9″ | ,, | 1 |
| c. | Landrover only<br>Landrover sahaja | 18″x 9″ | ,, | 1 |
| d. | EOD van only<br>EOD van sahaja | 18″x 9″ | ,, | 1 |
| e. | Empty package by<br>Kawasan peluru kosong (kulit peluru) | 18″x 9″ | ,, | 1 |
| f. | No smoking | 18″x 9″ | ,, | 10 |
| g. | EOD TRG area<br>Kawasan latehan EOD | 18″x 9″ | ,, | 1 |
| h. | First aid kit in sat office<br>First aid kit dalam pejabat sat | 18″x12″ | ,, | 10 |
| i. | First Siren<br>Alam kebakaran | 12″x 9″ | ,, | 1 |
| j. | No civilian car passed this point<br>Kereta2 awam tidak di-benarkan melalui kawasan ini | ″18x12″ | ,, | 2 |
| k. | All vehicles to stop and show gate pass<br>Semua kenderaan berhenti dan menunjokkan pas gate | 24″x18″ | ,, | 2 |
| l. | All vehicles are to stop here until called froward<br>Semua kenderaan berhenti di-sini sa-hingga di-panggil ka-hadapan | 24″x18″ | ,, | 2 |
| m. | ESH 8 | 12″x 6″ | Green background white lettering | 2 |
| n. | ESH 9 | 12″x 6″ | ,, | 2 |
| o. | Di-larang masok tanpa kebenaran<br>No admission | 16″x 6″ | ,, | 2 |
| p. | Receipts/transit section | 16″ 8″ | Four corners Holes | 1 |
| q. | Di-larang merokok<br>No smoking | 18″x12″ | ,, | 10 |
| r. | Untok kakitangan logistic store seksen sahaja<br>For logistics store section staff only | 24″x18″ | Green background white lettering | 1 |
| s. | Para 4 | 10″x 6″ | ,, | 9 |
| t. | Tidak di-benarkan meletak kereta<br>No parking | 12″x 6″ | ,, | 4 |
| u. | No parking for civilian vehicles<br>Bukan penarohan kereta2 awam | 3′ x18″ | , | 20 |
| v. | Military vehicles only<br>Kenderaan2 tentera sahaja | 3′ x18″ | ,, | 20 |
| w. | Loading area military vehicles only<br>Kawasan Pemungahan Kenderaan2 tentera sahaja | 3′ x18″ | ,, | 6 |
| x. | Awaiting loading area military vehicles only | 3′ x18″ | ,, | 6 |
| y. | Traders unloading area<br>Kawasan pemunggahan Pedagang2 | 3′ x 18″ | ,, | 2 |
| z. | Transit in<br>Persingahan masok | 3′ x18″ | ,, | 1 |
| za. | Transit out<br>Persingahan keluar | 3′ x18″ | ,, | 1 |
| zb. | Bulk/Heavy lift bay | 3′ x18″ | ,, | 2 |
| zc. | Logistic<br>Administrative office | 3′ x18″ | ,, | 2 |
| zd. | Logistic<br>provision control and account | 3′ x18″ | ,, | 2 |
| ze. | Logistic<br>stores sub-depot clothing store | 3′ x18″ | ,, | 2 |
| zf. | Logistics<br>stores sub-depot Vehicle and Technical spares | 3′ x18″ | ,, | 3 |
| zg. | Logistic<br>stores sub-depot transit and traffic | 3′ x18″ | ,, | 2 |
| zh. | Logistics<br>stores sub-depot expense store | 3′ x18″ | ,, | 1 |
| zi. | Logistics<br>stores sub-depot paint stores | 3′ x18″ | ,, | 1 |
| zj. | Logistics<br>stores sub-depot radio and electronics store | 3′ x18″ | ,, | 1 |
| zk. | Logistics<br>stores sub-depot gas store | 3′ x18″ | ,, | 1 |
| zl. | Transit shed<br>clothing store<br>spare parts store<br>attractive store<br>shipping and air cargo<br>stationery store | 3½′x 3′ | ,, | 1 |
| zm. | OIC store sub-depot<br>small arms store<br>MISC store<br>Berakas bulk store<br>3 years scale store | 3½′x 3′ | ,, | 1 |
| zn. | Ration store<br>Bolkiah bulk store<br>accommodation store | 3½′x 3′ | ,, | 1 |
| zo. | Transit shed | 3′ x 3′ | ,, Four corners screw holes | 1 |
| zp. | Clothing store | 3′ x 3″ | Green background white Lettering plastic four corners screw holes | 1 |
| zq. | Spare part store | 3′ x 3″ | ,, | 1 |
| zr. | Stationery store | 3′ x 3″ | ,, | 1 |
| zs. | Attractive item store | 3′ x 3″ | ,, | 1 |
| st. | Small arms store | 3′ x 3″ | ,, | 1 |
| zu. | Misc store | 3′ x 3″ | ,, | 1 |
| zv. | OIC store sub-depot | 3′ x 3″ | ,, | 1 |
| zw. | Berakas bulk store | 3′ x 3″ | ,, | 1 |
| zx. | Shipping and cargo office | 3′ x 3″ | ,, | 1 |
| zy. | Ration store | 3′ x 3″ | ,, | 1 |
| zz. | Bolkiah bulk store | 3′ x 3″ | ,, | 1 |
| zza. | Accommodation store | 3′ x 3″ | ,, | 1 |
| zzb. | Paint store | 3′ x 3″ | ,, | 1 |
| zzc. | OIC RSSD | 8″ x 4″ | ,, | 1 |
| zzd. | General office | 18″x 3″ | ,, | 1 |
| zze. | Store A | 12″x 3″ | ,, | 1 |
| zzf. | Store B | 12″x 3″ | ,, | 1 |
| zzg. | No smoking<br>Tidak di-benarkan merokok | 24″x10″ | ,, | 3 |
| zzh. | Entrance | 10″x 3″ | ,, | 3 |
| zzi. | Repair shop | 10″x 3″ | ,, | 1 |
| zzj. | Receipt area scrap metal | 18″x 6″ | ,, | 1 |
| zzk. | Receipt area general stores | 18″x 6″ | ,, | 1 |
| zzl. | No entry except for authorised personnel | 18″x 6″ | ,, | 3 |
| zzm. | Ladies toilet | 12″x 3″ | ,, | 1 |
| zzz. | Men's toilet | 12″x 3″ | ,, | 1 |
| zzo. | Carpenter shop | 12″x 3″ | ,, | 1 |
| zzp. | Painter shop | 10″x 3″ | ,, | 1 |
| zzq. | Rest room | 8″ x 3″ | ,, | 1 |
| zzr. | Serviceable store | 10″x 3″ | ,, | 2 |
| zzs. | WOIC stock checking<br>WPIC pemereksa simpanan | 3′ x18″ | ,, | 1 |
| zzt. | Depot sergent major-Asst admin officer<br>Sarjan majer depot dan Penolong pegawai pentadbir/latehan | 3′ x18″ | ,, | 1 |
| zzu. | OIC admin/training officer<br>Pegawai Pentadbir/latehan | 3′ x18″ | ,, | 1 |
| zzv. | Chief clerk admin/training officer<br>Kerani Besar pegawai pentadbir/latehan | 3′ x18″ | ,, | 1 |
| zzw. | Part I and II orders clerk<br>Kerani Hukuman Bahagian I dan II | 3′ x18″ | ,, | 1 |
| zzx. | Tandas pegawai/perempuan<br>Officers/ladies toilet | 2′ x 6″ | ,, | 1 |
| zzy. | WO IC A and G | 18″x 4″ | ,, | 1 |
| zzz. | WO IC vehs | 18″x 4″ | ,, | 1 |
| aa. | OIC proction | 18″x 4″ | ,, | 1 |
| bb. | Instrument section machine room | 2′ x 6″ | ,, | 1 |
| cc. | Recover and MT section | 2′ x 6″ | ,, | 1 |
| dd. | CVR (T) repair bay | 2′ x 6″ | ,, | 1 |
| ee. | Night vision repair bay | 18″x 8″ | ,, | 1 |
| ff. | Balai pengawal<br>Guard room | 2′ x 6″ | ,, | 1 |
| gg. | Pandu perlahan apabila masok ka-bengkel<br>Drive slowly when entering workshop | 3′ x 2′ | ,, | 1 |
| hh. | Letak kereta untok pekerja bengkel saja<br>Parking for workshop personnel only | 3′ x 2′ | ,, | 1 |
| ii. | Pelawat2 melaporkan ka-balai pegawai<br>visitors report to guard room | 3′ x 2′ | ,, | 1 |
| jj. | Jangan merokok | 18″x 6″ | ,, | 6 |
| kk. | "HQ Logistics depot | 2′ x 8″ | ,, | 1 |
| ll. | Issue section no entrance (etc red lettering) to unauthorised personnel | 2′ x 1′ | Light blue background white lettering plastic four corners screw Holes | 2 |
| mm. | Letter "A" (4″) Qty 4<br>"B" (4″) Qty 4<br>"C" (4″) Qty 4<br>"D" (4″) Qty 4<br>"E" (4″) Qty 2<br>"F" (4″) Qty 2 | 6″ x 6″ | Light blue background white lettering four corner screw holes | 22 |
| nn. | Letter "1" to "21" Qty 4 sets<br>"1" to "10" Qty 8 sets<br>"A" to "H" Qty 4 sets<br>"A" to "F" Qty 5 sets<br>"J", "K',' "L" and "M" Qty 3 each | ¾″ x 1″ | ,,<br>,,<br>,,<br>,, | 133 |
| oo. | No smoking<br>Di-larang merokok | 2′ x 6″ | White background red lettering four corner holes | 8 |
| pp. | Receipts and despatch section job cupboard issues | 2′ x 9″ | Light blue back background white lettering (receipts and despatch section) red lettering (job cupboard issues) four corner screw holes | 2 |
| qq. | Officer in charge air wing logistics stores section | 2′ x 9″ | ,, | 1 |
| rr. | Officer commending Regtl logistic depot | 18″x12″ | Green background white lettering | 1 |

2. The Tenders should state price and delivery time. Enquires on specification can be made to DAQMG 2 Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

3. Tender will be received by the Chairman, Tenders Board at the State Financial Office, Bandar Seri Begawan, by 4.00 p.m. Saturday 22 August 1981.

4. Tenders must be placed on a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF PLASTIC SIGN NAME TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS GARRISON."

5. The successful tenderer is reminded that the item tendered is subject for Custom Duty.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 6/1981

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Government Offices Bandar Seri Begawan, up to 4.00 p.m. on Thursday 29th August, 1981 for the Supply and Delivery of the Following Fire Brigade Equipments for the year 1981/1982 : —

1. Foam Inductor FBU and FBU SX
2. S. M. 10 Select 'O' Metric Branch.
3. Flotto Pump.
4. Vetters Mini Lifting Bag Super System 160 Complete Set.
5. Power Pressure Tools Model 32 A or 'O' 150.
6. Resuscitator Oxy Viva Type and one Spare Cyclinder.
7. Dreager 202 Model Positive Pressure — Complete Set.
8. Breathing Apparatus Dreager Airliner 300 c/w Cable, Mask and Two Cyclinder.
9. Rescue Harness.
10. Pry Axe.
11. Holigan Tools.
12. Mini Detactor Pump c/w 2½″ Instantaneous Coupling Fitting.
13. SO 5 Verktyget Rescue Tools.
14. Mini Jector Model (Ejector Pump).
    Inlet : Screwed ¾ female BSPT standard First Aid homphaclite
    Outlet : 2½″ male instantaneous BSPT.
15. S.2½″ Model
    Inlet : 2½″ male instantaneous BSPT.
    Outlet : 2½″ male instantaneous BSPT.
16. The AWG, Hose Washing Machine.
17. Dividing Breech with Control Valve — Screw — Down — Pattern.
18. Paraguard Stretcher.
    Stretcher is designed for use in situation, where access is difficult and removal of the casualty by conventional transport is not always possible.
19. Jet Master.
20. Tub Bex Mk. II
21. "Air Splent" Air Cushioned Bandage and Splint.
22. AM. 11 Ground Monitor 2½″.
23. Guy Line 220 ft.
24. Truck Riker (10) Tons 1 Unit.
25. Light Weight Self-supporting-collapsible-dam (1 set).
26. Longworth Automatic Fire Escape (2 nos)
27. TV. Camera.
28. Hydraulic Rescue Equipment (1 set).
29. Cenger Saw (1 set).
30. Zip Gun (1 set)
31. Tifor (1 set).
32. Folding Stretcher (6 set).
33. High Expansion Foam Generator (1 set)
34. Mechanical Foam Equipment.
35. Flow Test and Flow Gauge Equipment (1 set).
36. Safety Belt.
37. Off Sling Stripes.

2. Tenderers are requested to forward their specifications and catalogue for the above Fire Brigade Equipments with their quotation and tenders. All prices quoted based on C.I.F. Brunei.

3. List and types of equipments required may be obtained from Senior Divisional Officer at Bandar Seri Begawan Fire Station.

4. Date of delivery to be stated.

5. Tenders received after this time will be rejected.

6. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked tenders for Fire Brigade Equipments. The name of the tenderer must not appear on the envelope.

7. The cover must be addressed to the Chairman, Tender Board, at the offices of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei.

8. The lowest of any tender will not necessary be accepted.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan, untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. PEGAWAI PENYELIDEK :

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan mata-pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu Perengkat 'A' dan sekurang2-nya tiga mata-pelajaran Perengat 'O' (tidak termasok mata-pelajaran senilukis) yang lain dalam Sijil 'Am Pelajaran;

b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam kerja2 penyelidekan kesusasteraan Melayu dan Kebudayaan tempatan;

c) Mahir menguasai dua bahasa (satu daripada-nya bahasa Melayu) dan dapat menulis dan membacha Jawi dengan baik.

ATAU

d) Lulus tiga mata-pelajaran Perengkat 'O' (termasok mata-pelajaran bahasa Melayu) dan mempunyai pengalaman sekurang2-nya lima tahun dalam kerja2 penyelidekan kesusasteraan Melayu dan kebudayaan tempatan.

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980.

2. PEGAWAI KEBUDAYAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat Pangkat 'A' dalam mata-pelajaran Bahasa Melayu;

b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam kerja2 penyelidekan kebudayaan tempatan sekurang2-nya 2 tahun; dan

c) Mahir menguasai Bahasa Melayu, Tulisan Jawi (membacha dan menulis), dan sekurang2-nya mempunyai asas pengetahuan satu lagi bahasa lain;

ATAU

a) Lulus Sijil Brunei Cambridge (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya dan mendapat kepujian mata-pelajaran Bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu;

b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam kerja2 penyelidekan kebudayaan tempatan sekurang2-nya 3 tahun; dan

c) Mahir menguasai Bahasa Melayu, tulisan Jawi (membacha dan menulis) dan sekurang2-nya mempunyai asas pengetahuan satu lagi bahasa lain.

d) Mempunyai pengalaman yang luas memimpin sasebuah pertubohan kebajikan terutama yang mengendalikan aspek2 kebudayaan.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155-1215-1260 - 1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495 - 1545 - 1615 - 1685 / EB / 1735 - 1795 - 1855 - 1915-1980.

3. PEGAWAI PERPUSTAKAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan 2 mata-pelajaran Perengkat Biasa dari aliran Melayu atau Inggeris.

b) Mesti-lah mempunyai pengetahuan mengenai buku dan perpustakaan dan juga gemar membacra.

c) Mesti-lah mempunyai pengetahuan mengenai kerja2 perpustakaan dan juga berpengalaman bekerja dalam perpustakaan sekurang2- sa-lama 5 tahun.

d) Mesti-lah pernah menjalani/mengikuti kursus perpustakaan di-luar negeri.

e) Sa-seorang chalon mesti-lah cherdek dan mempunyai kebolehan untok berhubong dengan jelas dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

f) Pemohon2 mesti-lah menunjokan perasaan bertanggong-jawab yang besar dan mempunyai keperibadian yang baik dan sudi berkerja bergilir-gilir (jika dan di-mana yang perlu) di-chawangan perpustakaan dan juga dengan semua golongan.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

4. PEMBANTU PERPUSTAKAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mempunyai kelulusan 'O' Level dalam 2 mata-pelajaran (tidak termasok senilukis) dan dapat menulis dan membacha Jawi dengan baik (satu ujian bertulis akan di-berikan);

b) Mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran, berpengalaman dalam kerjaya perpustakaan sekurang2-nya 3 tahun, dan pernah mengikuti kursus dalam bidang perpustakaan.

c) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang dapat menguasai 2 bahasa (satu daripada-nya bahasa Melayu).

**Tangga Gaji :**

D. 1 EB. 2-3 — $425-440-455-470-485-500/EB/515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900.

5. JURUTAIP :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Lulus sekurang2-nya Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa aliran Melayu atau Inggeris atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai kelulusan menaip Perengkat Tertinggi. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang dapat menguasai dua bahasa (satu daripada-nya bahasa Melayu) dan trengkas.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini Satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Ogos 1981.

(E/822/73)

(Bil : 135/1981)

## PEGAWAI BERTAULIAH AMDB DI-KEHENDAKI

ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI menawarkan pemuda2 di-Brunei pekerjaan yang menchabar dan yang berharga sa-bagai pegawai biasa bertauliah dalam Pasokan ini. Pasokan ini ada-lah sa-buah pasokan yang sedang berkembang dan menghendaki pemuda2 untok di-lateh sa-bagai pegawai dalam berbagai2 bidang kemahiran, saperti Pegawai Penerbangan, Pelayaran, Persenjataan, Kejuruteraan dan Elektronik. Jika Awang2 mempunyai kelayakan2 pelajaran, pasokan ini boleh membantu Awang untok di-lateh dalam jurusan2 tersebut.

Kami yakin bahawa Awang2 akan menerima tawaran ini sa-bagai satu chabaran yang baik. Oleh yang demikian memohon-lah untok di-temuduga. Temuduga yang akan datang di-adakan dalam bulan Oktober 1981. Awang2 hendak-lah menghantar permohonan bertulis kapada Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhemahan Berakas dan permohonan2 hendak-lah sampai kapadanya tidak lewat dari 31hb Ogos 1981.

Bagaimana pun, pehak kami memerlukan Awang2 memenohi sharat2 yang berikut bagi membolehkan Awang2 memasoki-nya.

a. Awang2 mesti-lah di-lahirkan di-Negeri Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang terdiri daripada orang2 Melayu dari kaum jati puak2 Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

b. Jika Awang2 bukan dari kaum jati puak itu, Awang2 mesti-lah berugama Islam dan mensesuaikan diri Awang2 dengan adat resam orang2 Melayu yang di-amalkan di-Brunei dan raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang tertaklok kapada sa-barang undang2 bertulis yang berhubong dengan kebangsaan-nya.

c. Bahasa

(1) Bagi pemohon2 yang tidak pandai berbahasa Inggeris boleh memohon, tetapi mesti-lah lulus dalam Tingkatan VI aliran Sekolah Melayu 1980. Keistimewaan akan di-berikan kapada Awang2 yang berjaya untok mempelajari bahasa Inggeris.

(2) Bagi pemohon2 yang pandai berbahasa Inggeris, mesti-lah lulus Tingkatan V dalam aliran Sekolah Inggeris tahun 1980.

d. Berumor di-antara 17$\frac{1}{2}$ hingga 25 tahun pada 2hb Januari 1982 dan maseh bujang.

e. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi dan berat badan tidak kurang dari 105 paun.

Jika Awang2 di-terima sa-bagai Pegawai Kadet, Awang2 akan menjalani latehan asas tentera di-Pusat Latehan, Perkhemahan Bolkiah sa-lama enam hingga sembilan bulan. Awang2 akan di-hantar keluar negeri untok latehan lanjutan, tertaklok kapada tamat latehan, sabelum menerima tauliah sa-bagai sa-orang Pegawai di-dalam pasokan ini.

Jika Awang2 memerlukan sa-barang maklumat sila-lah berhubong terus kapada Penolong Timbalan Adjutan Agong, Askar Melayu Diraja Brunei nombor talipon 31111 sambongan 284.

## ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of Stainless Steel to Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

| Ser | Items | Qty |
|---|---|---|
| a. | BOC SE2 Fume Extractor Fan 110/220-240 Volt | 1 |
| b. | BOC SE2 Fume Extractor Fan 110/220-240 Volt | 1 |
| c. | 4BA x $\frac{7}{8}$ Set Screw Stainless Steel Cheese Head | 4 gross |
| d. | 6BA x $\frac{5}{8}$ Long Set Screw Stainless Steel Cheese Head | 8 ,, |
| e. | M10 x 30 Bolts Hex Stainless Steel | 50 |
| f. | M6 x 40 Bolts Hex Head Stainless Steel | 50 |
| g. | 1-$\frac{1}{2}$" Dia Mild Steel Round Bar 20' long | 6 length |
| h. | 1-$\frac{1}{4}$" Dia Mild Steel Round Bar 20' long | 6 ,, |
| i. | 5/16 Dia Mild Steel Round Bar 20' long | 12 ,, |
| j. | $\frac{1}{4}$" Dia Mild Steel Round Bar 20' long | 24 ,, |
| k. | 3/16 Dia Mild Steel Round Bar 20' long | 24 ,, |
| l. | Heavy Duty Blades (Multiple Ripping Saw Blade) | 10 pcs |
| m. | Modular Standard R 3M (Steel Staging) | 40 ,, |
| n. | Transom M1.25 (staging ends) | 100 ,, |
| o. | Laminate Heavy Duty Saw Blades | 10 ,, |
| p. | Skip Tooth Blades (Machine Fully Welded Band Saw Blades Starret Type) | 15 Box |
| q. | Stainless Steel Cheesse Hd Screw 6BA x 5/16 | 2 gross |
| r. | Stainless Steel Cheese Spring washer M5 | 4 gross |
| s. | Stainless Steel Cheese Spring washer M4 | 4 gross |
| t. | Stainless Steel Cheese Spring washer M2.5 | 4 gross |
| u. | Stainless Steel Cheese Spring washer 4BA | 4 ,, |
| v. | Stainless Steel Nyloc Nut M5 x 0.8 | 4 ,, |
| w. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M6 x 1.0 x 16 | 4 ,, |
| x. | Stainless Steel Cheese Hd Screw 5/16 x 1-$\frac{1}{2}$ BSF | 2 ,, |
| y. | Stainless Steel Screw Countersunk Head 6BA x 5/16 | 2 ,, |
| z. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M2.5 x 5 | 4 ,, |
| za. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M5 x 0.8 x 40 | 4 ,, |
| zb. | Stainless Steel Screw Countersunk Hd 2BA x $\frac{7}{8}$" | 2 ,, |
| zc. | Stainless Steel Screw Hex Hd M10 x 30 | 8 ,, |
| zd. | Stainless Steel Screw Hex Hd M8 x 1.25 x 25 | 8 ,, |
| ze. | Stainless Steel Screw Hex Hd Nut M5 x 0.5 | 4 ,, |
| zf. | Stainless Steel Screw Socket Hd M3 x 0.5 x 8 | 8 ,, |
| zg. | Stainless Steel Screw Hex Hd M6 x 1 x 16 | 8 ,, |
| zh. | Stianless Steel Screw Hex Hd M5 x 0.8 x 12 | 8 ,, |
| zi. | Stainless Steel Nut Lock M3 | 4 ,, |
| zj. | Stainless Steel Nut M2 x 0.4 | 4 ,, |
| zk. | Stainless Steel Nut Hex Hd M2.2 x 0.43 | 4 ,, |
| zl. | Stainless Steel Nut Lock M10 x 1.5 | 4 ,, |
| zm. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M5 x 0.8 x 16 | 4 ,, |
| zn. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M4 x 0.7 x 10 | 4 ,, |
| zo. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M4 x 0.7 x 12 | 4 ,, |
| zp. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M3 x 0.5 x 16 | 4 ,, |
| zq. | Stainless Steel Cheese Hd Screw 6BA x $\frac{5}{8}$ | 2 ,, |
| zr. | Stainless Steel Nyloc Nut M4 | 4 ,, |
| zs. | Stainless Steel Nut Hex Hd $\frac{1}{2}$" UNF | 4 ,, |
| zt. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M2.5 x 0.45 x 6 | 4 ,, |
| zu. | Stainless Steel Screw Grub Socket Hd M3 x 0.5 x 5 | 4 ,, |
| zv. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M2.5 x 0.45 x 8 | 4 ,, |
| zw. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M2.5 x 0.45 x 16 | 4 ,, |
| zx. | Stainless Steel Screw Hammer Drive Type U No. 0-3/16 | 2 ,, |
| zy. | Stainless Steel Screw Countersunk Hd M6 x 1.0 x 25 | 4 ,, |
| zz. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M4 x 0.7 x 30 | 4 ,, |
| aa. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M3 x 0.5 x 8 | 4 ,, |
| bb. | Stainless Steel Screw Countersunk Socket Hd M4 x 12 | 1 ,, |
| cc. | Stainless Steel Screw Countersunk Hd M4 x 1.01 x 25 | 4 ,, |
| dd. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M3 x 0.5 x 10 | 4 ,, |
| ee. | Screw Countersunk Hd Stainless Steel M2.2 x 0.43 x 16 | 4 ,, |
| ff. | Stainless Steel Cheese Hd Screw M6 x 1.0 x 30 | 4 ,, |
| gg. | Screw Countersunk Hd Stainless Steel M3 x 0.5 x 12 | 4 ,, |
| hh. | Stainless Steel Spring Washer M12 | 4 ,, |
| ii. | Stainless Steel Spring Washer M8 | 4 ,, |
| jj. | Stainless Steel Spring Washer M10 | 4 ,, |
| kk. | Stainless Steel Screw Socket Hd M4 x 0.7 x 10 | 8 ,, |
| ll. | Stainless Steel Nyloc Nut M3 x 0.5 | 4 ,, |
| mm. | Stainless Steel Screw Hd M6 x 1 x 12 | 8 ,, |
| nn. | M4 x 0.7 x 10 Stainless Steel Screw Hexagon Hd | 8 ,, |
| oo. | M.2.5 x 0.45 x 10 Set Screw Stainless Steel Cheese Hd | 4 ,, |
| pp. | M8 x 1.25 x 18 Stainless Steel Screw Hexagon Hd | 8 ,, |
| qq. | M8 x 1.25 x 60 Stainless Steel Screw Hexagon Hd | 8 ,, |
| rr. | M6 x 1 x 25 Stainless Steel Screw Hexagon Hd | 8 ,, |
| ss. | M8 x 1.25 Stainless Steel Nyloc Nut | 4 ,, |
| tt. | 6BA Stainless Steel Nyloc Nut | 4 ,, |
| uu. | M6 x 18 Stainless Steel Screw Hexagon Hd | 8 ,, |
| vv. | M3 x 0.5 Stainless Steel Nut Standard | 4 ,, |
| ww. | M2.2 x 0.43 x 16 Stainless Steel Screw Countersunk Hd | 4 ,, |
| xx. | M4 x 12 L Stainless Steel Screw Socket Countersunk | 2 ,, |
| yy. | M6 x 1.0 Stainless Steel Nut Standard Thin | 4 ,, |
| zz. | M6 x 1 Stainless Steel Nyloc Nut | 4 ,, |
| zza. | M22 x 1.25 Stainless Steel Nyloc Nut | 4 ,, |
| zzb. | M12 x 1.75 Stainless Steel Nyloc Nut | 4 ,, |
| zzc. | 4BA Stainless Steel Nyloc Nut | 4 ,, |
| zzd. | 6BA x 5/16 Stainless Steel Screw Countersunk Hd | 8 ,, |
| zze. | $\frac{1}{4}$ UNF x $\frac{5}{8}$ Stainless Steel Screw Countersunk Hd | 2 ,, |
| zzf. | $\frac{1}{4}$ UNF x $\frac{5}{8}$L Stainless Steel Screw Hexagon Hd | 2 ,, |
| zzg. | M3 x 0.5 x 12 Stainless Steel Screw Countersunk Hd | 2 ,, |
| zzh. | M10 x 1.5 Stainless Steel Nyloc Nut | 4 ,, |
| zzi. | M5 x 8 x 12 Stainless Steel Screw Hexagon Hd | 8 ,, |
| zzj. | 2BA x $\frac{7}{8}$ Stainless Steel Screw Countersunk Hd | 2 ,, |
| zzk. | Steel Stage B 25 (Staging Boards) | 10 pcs |
| zzl. | Standard Steelstage (Staging Boards) | 25 ,, |

2. Tender will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei from cpecialist contractor up to 4.00 p.m. Saturday 22 August 1981.

3. Tenders must be submitted in a sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR THE SUPPLY OF STAINLESS STEEL TO RBMR."

4. The successful tenderers is reminded that the item tendered is subject for Custom Duty.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. KETUA JURURAWAT PERBIDANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah terdiri dari Jururawat2 yang berkelayakan S.R.N. dari United Kingdom, atau layak untok di-daftarkan sa-demikian.
b) *Mesti-lah mempunyai Sijil Perbidanan.*
c) Mesti-lah berkelayakan sa-bagai Pengajar Perbidanan.
d) Sa-baik2-nya pemohon hendak-lah juga boleh mengajar dalam bahasa Melayu basahan sa-hari2.

**Tugas2 :**

Mengetua Sekolah Latehan Perbidanan di-mana Bidan2 Pelateh di-beri latehan untok memperolehi Sijil Perbidanan Division I dan II.

**Tangga Gaji :**

M .11 — B$1670-1754-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-2395 / EB / 2480 - 2565 - 2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. KETUA JURURAWAT PENGAJAR PERBIDANAN KELINIK :

**Kelayakan2 :**

S.R.N. dan S.C.M. yang di-terima untok di-daftarkan di-Singapura dan Malaysia dan mempunyai Midwifery Tutor's Diploma. Sa-baik2-nya boleh bertutor dalam Bahasa Melayu.

**Tangga Gaji :**

M. 11. — B$1670-1745-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-2395 / EB / 2480 - 2565 - 2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. KETUA JURURAWAT :

**Kelayakan2 :**

a) S.R.N. dari Singapura atau Malaysia atau dari lain2 negeri yang di-iktiraf oleh General Nursing Council of England.
b) Sijil Perbidanan Division I dari Federation of Malaysia atau dari Singapura atau yang sebanding dengan-nya.
c) Sa-baik2-nya, tetapi tidak semesti-nya, pemohon hendak-lah mempunyai pengetahuan bahasa Melayu untok melaksanakan tugas2 mereka.
d) Keutamaan akan di-beri kapada kakitangan yang sedang berkhidmat.

**Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 10 tahun sa-bagai Jururawat Staff, sa-baik2-nya dalam semua bidang kerja2 jururawat.

**Tangga Gaji :**

M. 11 — B$1670-1745-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310--3495 / EB / 2480 - 2565-2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh per-chubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb September, 1981.

(E/328/61)

(Bil : 132/1981)

## Sa-bagai Penolong Operesen Rendah

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Operesen Rendah di-Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

1. Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama satu tahun di-sesuatu bahagian teknikal RTB dalam jawatan Pelateh Teknikal atau membuat tugas2 yang sama dalam jawatan bergaji hari.
2. Pemohon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya 3 mata-pelajaran dalam peperek-saan G.C.E. perengkat biasa termasok-lah mata-pelajaran Ilmu Hisab, atau kelulusan yang sebanding.
3. Chalon2 mesti-lah memperolehi laporan yang memuaskan dari ketua bahagian masing2 dan dapat memboktikan pengetahuan yang menchukopi dalam kerja2 khusus yang telah mereka laksanakan itu.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Ogos, 1981.

(E/958/74—Bil : 142/1981)

## Sa-bagai Penolong Sekerip

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Sekerip (Talivishen Pendidekan) di-Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus tiga mata-pelajran (termasok mata-pelajaran Bahasa Inggeris) dan kredit dalam mata-pelajaran Bahasa Melayu Perengkat 'O' faseh menulis dan bertutor Bahasa Inggeris serta mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman bekerja dalam sa-sebuah Jabatan Kerajaan dan berkebolehan dalam kerja2 taip menaip.

**Tugas2 :**

Membantu penerbit mengendalikan semua kerja2 yang berkaitan dengan penerbitan sama ada di-studio dan di-luar studio. Boleh menaip sekerip dan membuat perhubongan melalui talipon dan surat menyurat. Bersedia keluar bersama2 penerbit untok menchari bahan dan mengambil penggambaran di-luar.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Ogos, 1981.

(E/486/75—Bil : 143/1981)

## Sa-bagai Pegawai Gigi di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untok di-lantek ka-jawatan Pegawai Gigi di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai salah satu daripada kelulusan2 yang berikut:—

a) L.D.S./B.D.S (Singapura) atau
b) B.D.S. (Malaya) atau
c) Sebarang ijazah diploma atau lesen yang di-iktirafkan sa-bagai membolehkan ia di-daftarkan oleh General Dental Council di-United Kingdom.

**Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah beberapa tahun pengalaman. Mempunyai pengalaman dalam Perkhidmatan Rawatan Gigi ka-sekolah2 ada-lah merupakan satu kelebehan. Semua butir2 mengenai kerja2 lateban (post graduate work) hendak-lah di-sebut sa-masa memohon.

**Tugas2 :**

Tugas termasok-lah memberi rawatan di-sekolah2, rumah2 sakit serta kelinik2 gigi bergerak.

**Tangga Gaji :**

M. 16 — B$2830-2905-2980-3055-3135 - 3210 - 3285 - 3370-3455 - 3540 - 3640 - 3740-3840-3940. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek sa-lama tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh per-chubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb September, 1981.

(E/141/63/2)

(Bil : 141/1981)

## DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan, berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

i) IMAM 1 Jawatan—Bagi Masjid Kampong Lumapas, Brunei.
ii) KHATIB 1 Jawatan — Bagi Masjid Setia Ali, Brunei.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan masjid2 yang berkenaan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor tidak kurang dari 20 tahun.
b) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.
c) Hendak-lah tahu dan mahir dalam membacha Al-Kor'an.
d) Hendak-lah mahir dalam menyempurnakan mayat.
e) Hendak-lah tahu dan mahir dalam bertahlil dan bacbaan2 doa.
f) Hendak-lah tahu dan mahir dalam berkhutbah.
g) Hendak-lah mengetahui hukum2 khas-nya dalam perkara2 bersuchi, sembahyang, zakat dan puasa dengan baik.
h) Hendak-lah tahu hukum2 mengenai dengan nikah kahwin.
i) Hendak-lah pandai berzikir.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji yang berikut:—

i) Jawatan IMAM — D.2-3 EB.4 — $515-535-555-580 - 605 - 630-655 - 720-755 - 790 - 825-860 - 900/EB/980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.
ATAU
D.4-5 EB.6—$980-1010-1040 - 1070 - 1105-1140 - 1175 - 1200 - 1230-1260 - 1290 / EB / 1320 - 1350-1380-1410.

ii) Jawatan KHATIB — D.2-3 EB.4 — $515-535-555-580 - 605 - 630-655 - 720-755 - 790 - 825-860 - 900/EB/980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.
ATAU
D.4-5 EB.6—$980-1010-1040 - 1070 - 1105-1140 - 1175 - 1200 - 1230-1260 - 1290 / EB / 1320 - 1350-1380-1410.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Ogos, 1981.

(E/311/72)
(Bil : 140/1981)

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION TESTING AND COMMISSIONING OF KITCHEN EQUIPMENT TO PROPOSED OFFICER'S MESS — PENANJONG CANTONMENT

REGISTERED Class 'A' and above Electrical Contractors Registered with the Electrical Department, Brunei are invited to submit tender for the complete supply and installation of Kitchen Equipment to Proposed Officer's Mess — Penanjong Cantonment.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 and 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 13th Aug., 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 8th September, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF KITCHEN EQUIPMENT TO PROPOSED OFFICER'S MESS—PENANJONG CANTONMENT.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### COLDROOM INSTALLATION TO PROPOSED FLIGHT KITCHEN EXTENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

REGISTERED Class 'B' Air Conditioning Contractor and Specialist Coldroom Contractor are invited to submit tender for the complete supply and installation of Coldroom Services to Proposed Flight Kitchen Extension at Brunei International Airport.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 12th August, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 1st September, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—TENDER FOR COLDROOM INSTALLATION TO PROPOSED FLIGHT KITCHEN EXTENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received up to 12.00 noon on 22nd September 1981 by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Brunei registered Class A Contractors who are capable of earthworks, turfing, precast concrete walling and pressure grouting for the Civil Engineering Remedial Works at the Radio Television Brunei Transmitting Station at Andulau Ridge.
2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders must be submitted in a plain sealed envelope without any indication on the cover of the identity of the tendering contractor and must be addressed to the Chairman, Tenders Board and marked :

RADIO TELEVISION BRUNEI, ANDULAU TRANSMITTER STATION, CIVIL ENGINEERING REMEDIAL WORKS.

4. Tender documents may be inspected and obtained from the Consulting Engineers.

Cooper Macdonald and Partners,
210 Perdana Complex,
1½ Mile, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

Telephone : 02-20499
from Wednesday 26 August 1981.

5. The tender deposit will be $1,000.00 (Brunei Dollars One Thousand Only) which will be refunded in full to each unsuccessful tenderer who submits a bona fide tender.
6. Before being provided with tender documents, tenderers will be required to prove that they are registered Class 'A' Contractors with the Public Works Department, Brunei able to carry out the works.
7. Tenders must be submitted on the approved form. Qualified tenders will not be considered.
8. The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. TENDER No. SES/103/81
CATEGORIES 16 & 32
Replacement of Badas Pump Station underwater fencing.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

# DYMM BERANGKAT SAKSIKAN PERARAKAN TANGLONG

Oleh: Jaafar Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berserta putera dan puteri2 Baginda telah berangkat berchemar duli bagi menyaksikan Perarakan Tanglong berjalan kaki, Kereta dan Basikal Berhias yang telah di-adakan pada malam Isnin lepas.

Turut berangkat sama menyaksikan perarakan tersebut termasok-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah dan Pengiran Anak Isteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Pengiran Anak Isteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah serta kerabat2 Diraja yang lain-nya.

Hadhir sama ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson; Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abd. Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat, ketua2 jabatan, pegawai2 kanan kerajaan, penghulu2 dan ketua2 kampong serta jemputan2 khas yang lain-nya.

Perarakan pada malam itu juga telah di-saksikan oleh ribuan raayat dan pendudok2 di-pelusok tanah ayer yang membanjiri sa-tiap jalan yang di-lalui oleh perarakan.

Sa-jumlah 53 buah pasokan perarakan tanglong berjalan kaki, kereta dan basikal berhias telah menyertai perarakan yang bermula dari Jalan Ong Sum Ping itu. Peserta2 perarakan itu termasok-lah sekolah2 rendah dan menengah dan maktab2; kampong2, pejabat2 kerajaan, persatuan2 belia dan kebajikan serta pertubohan2 awam yang lain.

Perarakan itu di-adakan ada-lah sa-bagai salah-satu achara bagi memeriahkan lagi Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-35 tahun bagi Daerah Brunei dan Muara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Neg Brunei menyampaikan Perisai Kejohanan kapada Awang Laki bin Haji Mohd Zain ya telah menyandang juara silat sa-negeri. Peraduan silat dan kuntau perengkat sa-negeri i di-adakan di-Taman Istana Darul Hana pada malam Ahad lepas.

## Kunjongan wakil2 diplomatik pupok semangat persahabatan

Dari muka 1

di-masokkan sa-bagai satu negara yang di-wakili oleh delegesi British.

Di-dalam perkara lain yang juga bersangkutan dengan perhubongan Brunei dengan negara2 lain di-rantau ini, Tuan Yang Terutama sa-terus-nya menyembahkan:

"Kebawah Duli Tuan Patek telah berangkat membuat lawatan yang sengkat, tetapi Hamba Duli Tuan Patek perchaya sangat-lah memuaskan, ka-Bahrain di-dalam bulan Mei."

Kerajaan Thailand telah menghantar rombongan muhibbah ka-Brunei yang di-ketuai oleh Pemangku Menteri Luar-nya serta sering-nya, kunjongan2 yang di-buat oleh tetamu2 khas yang lain, yang di-antara-nya Pemangku Raja Pahang siapa yang telah mengambil bahagian di-dalam Kejohanan Polo Antarabangsa ke-empat dan kunjongan2 Ketua Menteri serta TYT Yang Dipertua Negeri Sarawak yang mana semua ini telah menampakkan semangat persahabatan sa-rantau.

"Perkhidmatan Diplomatik Kebawah Duli Tuan Patek telah juga sama2 menyumbangkan tenaga yang bertambah di-dalam mengalu-alukan wakil2 diplomatik daripada negara2 yang membuat lawatan ka-sini. Di-antara tetamu khas perlu juga Hamba Duli Tuan Patek, menyembahkan uchapan terima kaseh kerana sambutan baik yang di-berikan kapada YTM Puteri Alexandra semasa berhenti sengkat di-Brunei kerana mengisi minyak di-dalam bulan September tahun lepas."

## Lawatan ka-Jabatan2 K'jaan akan di-teruskan

Dari muka 1

"Apa yang Beta juga benar2 hajati ia-lah supaya jentera pentadbiran yang efficient lagi chergas serta pegawai2 yang jujor dan amanah yang sentiasa mengambil berat di-atas tugas dan kewajipan mereka semata-mata menumpukan usaha untok kebajikan negara serta segala isi di-dalam-nya."

Menyentoh lawatan kajabatan2 Kerajaan, Baginda Sultan menegaskan bahawa Baginda sedikit sabanyak telah dapat memerhatikan perjalanan jabatan2 kerajaan yang di-lawati di-samping Baginda sendiri dapat mendengar masaalah2 yang di-hadapi oleh ketua2 jabatan dalam menjalankan tugas kewajipan mereka masing2.

Taklimat2 yang di-berikan oleh ketua2 jabatan tersebut, titah Baginda seterus-nya telah juga di-dengar oleh Menteri Besar dan Baginda berharap tindakan yang bersesuaian telah, sedang dan akan di-laksanakan pada membantu ketua2 jabatan dalam mengatasi masaalah2 yang di-hadapi demi untok kebajikan pentadbiran negeri ini.

"Insha Allah Beta akan terus melawat beberapa banyak lagi jabatan2 kerajaan Beta di-masa2 yang akan datang," titah Baginda.

Di-segi bidang perhubongan di-antara Brunei dengan negara2 jiran, Baginda bertitah bahawa Kerajaan Baginda telah dapat mempereratkan hubongan silatul rahim yang mesra dengan negara2 jiran dan negeri2 lain yang ingin berbaik-baik dengan Negeri Brunei.

Dalam hal yang demikian, Baginda Yang Dipertuan telah menyatakan penghargaan dan terima kaseh Baginda kapada Kerajaan Singapura dan Malaysia yang telah dan sedang memberikan banyak bantuan pada melateh pegawai2 Brunei dalam berjenis2 bidang termasok bidang hal ehwal luar negeri.

"Insha Allah Kerajaan Beta akan terus memupok perhubongan berbaik2 itu supaya akan terus berkekalan berasaskan prinsip2 hormat-menghormati di-antara satu dengan yang lain dan untok kebajikan bersama di-rantau ini," titah Baginda sa-lanjut-nya.

### RASA GEMBIRA

Mengenai penghantaran pegawai2 kerajaan Baginda dan penuntut2 yang berlateh dan belajar di-luar negeri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melahirkan kegembiraan Baginda tentang bilangan-nya yang sa-makin banyak dan bertambah itu.

Untok itu juga, Baginda Yang Dipertuan mengingatkan kapada mereka2 itu supaya segala pengetahuan serta kechekapan yang mereka perolehi itu akan dapat di-gunakan sa-baik2-nya untok melichinkan lagi jentera pentadbiran negeri Brunei.

### KETENTERAMAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia terdahulu dalam titah-nya, menguchapkan shukor ka-hadhrat Allah di-atas limpah kornia-Nya pada mengizinkan Negeri Brunei menekmati ketenteraman dan seterus-nya berkembang maju dalam berjenis2 bidang dan kebajikan.

"Ada-lah hasrat Beta supaya segala usaha dalam bidang kemajuan yang di-ranchang serta di-laksanakan oleh Kerajaan Beta itu akan di-rasai nekmat-nya oleh sa-genap lapisan raayat dan pendud Negeri Brunei," titah Bagi da Yang Dipertuan.

"Beta ingin mengingatk bahawa dalam apa jua bida perkembangan, Kerajaan B ta hanya-lah dapat menyedi kan kemudahan2 yang ber suaian serta dorongan d galakan dan fikiran yang b patutan."

Akan tetapi, titah Bagind bagi menchapai ranchanga kemajuan itu amat-lah pe bagi raayat dan pendudok n geri ini bersunggoh2 menyu bangkan usaha serta tena bagi meningkatkan lagi ta serta mutu kehidupan selur raayat dan pendudok neg ini.

Titah penoh Kebawah D Yang Maha Mulia di-siark di-muka 4.

## Rombongan Muhibbah

TUTONG.—Rombongan Muhibbah dan Badan Kebudayaan Sabah, akan mengadakan persembahan-nya di-sini pada 19hb Ogos, sementara di-Bangar, Temburong pada 21hb Ogos dan di-Kuala Belait pada 23hb Ogos, 1981. Semua persembahan akan di-mulakan pada sebelah malam mulai jam 8.00. Persembahan tersebut ada-lah bersempena dengan Hari Puja Usia Kebawah DYMM ke-35 tahun ini.

## Kursus Fardhu 'Ain

MUARA.—Sa-ramai 15 orang anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah menghadhiri satu kursus Fardhu 'Ain dan Fardhu Kifayah sa-lama 12 hari, mulai Isnin lepas.

Kursus tersebut berlangsong di-Madrasah Angkatan Laut pasokan di-sini.

## Pertunjokan Pertanian

BANDAR SERI BEGAWA —Pertunjokan Pertanian se pena Hari Keputeraan K bawah DYMM ke-35 tah bagi Daerah Brunei-Mu akan di-langsongkan pa 30hb Ogos ini. Sementara P tunjokan Pertanian bagi D rah Belait akan di-adakan p da 13hb September, 1981.

## Bolasepak 7 sepasokan

TUTONG. — Satu perlaw an bolasepak tujoh orang pasokan akan di-adakan d sini, sempena menyambut H Puja Usia Kebawah DYM ke-35 tahun.

Borang2 penyertaan se butir2 lanjut boleh di-dap dari Awang Kamaluddin b Hitam, Pejabat Daerah Pek Tutong. Tarikh tutop peny taan ia-lah pada 11hb Septe ber, 1981.

## Seminar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 15 orang pegawai kanan Kerajaan dari 15 buah Jabatan2 Kerajaan kini sedang menghadhiri satu seminar mengenai dengan pengurusan di-Yunit Latehan Jabatan Perjawatan di-sini.

Seminar sa-lama sa-minggu itu di-kendalikan oleh Pengarah Pengajian dari Australian Administrative Staff College, Awang Jim Stewart, sa-orang ahli akademik dalam hal ehwal pengurusan dan berpengalaman mengendalikan berbagai2 seminar mengenai pengurusan di-Australia dan juga di-negeri2 Asia yang lain.

Seminar yang bermula pada 17hb Ogos lalu, akan berakhir pada hari Sabtu ini, 22hb Ogos, 1981.

## Keberangkatan yang besar makna-nya

Dari muka 1

sechukop2-nya bagi mempersiap persediaan mereka untok jawatan2 yang tinggi dan membawa tanggongjawab yang lebeh," jelas Yang Amat Berhormat.

Mengenai dengan keberangkatan Baginda kajabatan2 kerajaan, Yang Amat Mulia itu menyembahkan bahawa keberangkatan itu ada-lah besar makna-nya.

"Kesan-nya bukan sahaja bentok titah nasehat dan tegoran yang di-titahkan oleh Kebawah Duli Tuan Patek, malah jua keberangkatan2 Kebawah Duli Tuan Patek itu merupakan betapa besar-nya hasrat Kebawah Duli Tuan Patek sendiri untok melihat pergerakan jentera pemerentahan yang sempurna, adil dan jujor serta 'efficient dan effective' pada sa-tiap masa," sembah Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Sabda penoh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di-siarkan di-muka 9.

## Kursus kebakaran

SERIA. — Satu kursus a memadam dan menchegah k bakaran telah di-adakan o Jabatan Keselamatan Sharil Minyak Shell dan Sharik Pemasaran Shell Brunei, ba 26 orang pelayan dan tua punya steshen2 pam miny di-seluroh negeri, bulan lal

Peserta kursus di-berik penerangan mengenai pe gunaan alat2 memadam a yang berlainan jenis ya khas di-sediakan di-steshen pam minyak.